



# 2024

## LAPORAN TAHUNAN

MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KE-57





# RMS GOLD

## RMS Gold Wafer Korporat

Tempahan khas wafer atau dinar untuk pelanggan korporat.

Konsep dan reka bentuk mengikut pilihan pelanggan.

Promosi khas kepada syarikat dan badan syarikat.

Wafer seberat 1, 5 dan 10 gram.

Syiling emas seberat 0.25 gram dan dinar seberat 4.25 gram.

Mutu emas daripada emas 999.9 (24 karat).



RMS GOLD

rms.gold

1-300-80-5454

[www.arrahnuxchange.com.my](http://www.arrahnuxchange.com.my)

RAKYAT Management  
Co. No. 25283-P

BANK RAKYAT  
Bank Pilihan Anda

# ISI KANDUNGAN

02	Maklumat Korporat
03	Kata Aluan Pengarah Suruhanjaya Koperasi Malaysia Wilayah Persekutuan
04	Kata Aluan Yang Dipertua Koperasi Media Prima Berhad
05	Kata Aluan Penggerusi Koperasi Media Prima Berhad
06	Anggota Lembaga Koperasi Media Prima Berhad Sesi 2024/2025
06	Jawatankuasa Audit Dalaman Koperasi Media Prima Berhad Sesi 2024/2025
07	Kakitangan Koperasi Media Prima Berhad
08	Aktiviti Koperasi Media Prima Berhad 2024
29	Notis dan Agenda Mesyuarat Agung Perwakilan Ke-57
30	Minit Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke-56
46	Kehadiran Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke-56
48	Laporan Lembaga Tahun 2024
51	Laporan JKK Kewangan, Pentadbiran, Pengurusan Hartanah & Modal Insan
55	Laporan JKK Pembiayaan, Skim Perlindungan & Pelancongan
57	Laporan JKK Kutipan, Ligitasi & Pengurusan Risiko
60	Laporan JKK Komersial, Bisnes & Coopmart
62	Laporan JKK Ar-Rahnu
64	Laporan JKK Keanggotaan, Kebajikan & Komunikasi & Pengurusan Acara
69	Lampiran A - Kursus & Seminar Tahun 2024
73	Laporan Jawatankuasa Audit Dalaman sesi 2024/2025
76	Pandangan Suruhanjaya ke atas Akaun-akaun dan Kunci Kira-kira Koperasi Berakhir Pada 31 Disember 2023
79	Laporan Juruaudit Bebas
84	Laporan Berkanun Lembaga
86	Penyata Kewangan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2024
134	Anggaran Pendapatan & Perbelanjaan Tahun 2026

# MAKLUMAT KORPORAT

## KOPERASI MEDIA PRIMA BERHAD

(Dahulu dikenali Koperasi New Straits Times Press (Malaysia) Berhad)



### VISI

Menjadi 50 Koperasi Terbaik Malaysia pada Tahun 2030.

### MISI

1. Memantapkan amalan baik tadbir urus yang berkesan mengikut nilai, prinsip dan aturan koperasi berteraskan Modal Insan berprestasi tinggi melalui teknologi terkini;
2. Meningkatkan aktiviti ekonomi dengan mengembangkan perniagaan sedia ada dan menceburi perniagaan baru yang berimpak;
3. Mengekalkan kebijakan dan kemudahan anggota yang berorientasikan keperluan serta mewujudkan hubungan strategik dan usahasama di kalangan anggota dan masyarakat dalam menjalankan aktiviti koperasi.

### MOTTO

**“Maju Koperasi Anggota Bahagia”**

### AKTIVITI

Pajak Gadai Islam (Ar-Rahnu X'Change)  
Pembiayaan kepada anggota  
Skim Perlindungan Diri & Keluarga  
Peruncitan  
Pengurusan Acara dan Seminar.  
Buku Simpanan Emas  
Pakej Pelancongan  
Agen Pos Laju

### IBU PEJABAT

No 8-16-4, Menara Mutiara Bangsar, Jalan Liku  
Off Jalan Bangsar, 59100 Kuala Lumpur  
No. Tel : 03-22014647 / 03-22824647  
Laman Web : <https://kopmedia.my>  
Emel : admin@kopmedia.com.my  
Facebook : <https://www.facebook.com/kopmediabhd>  
Instagram : [https://www.instagram.com/kop\\_media/](https://www.instagram.com/kop_media/)  
Tik Tok : <https://www.tiktok.com/@kopmedia>

### ALAMAT CAWANGAN

**Coopmart & Kaunter Khidmat Pelanggan**  
Tingkat 6, Anjung Liku, Balai Berita  
No. 31, Jalan Riong, 59100 Kuala Lumpur  
No Tel : 03-20569607 / 03-20569696

**Ar-Rahnu X'Change KOPMEDIA  
(Dataran Mentari)**  
No. A-G-1, Blok A Arena, Mentari, Jalan PJS 8/15,  
Dataran Mentari, 46150 Petaling Jaya, Selangor  
No Tel : 03-56377277

**Ar-Rahnu X'Change KOPMEDIA  
(Bandar Seri Putra)**

No. 26, Tingkat Bawah, Jalan Seri Putra ½  
Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor  
No Tel : 03-89259519

**Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih dan Maha Penyayang**

Assalamualaikum warahmatullah hiwabarakatuh dan Salam Sejahtera

Saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada pihak pengurusan Koperasi Media Prima Berhad (Kopmedia) atas jemputan serta kepercayaan yang diberikan untuk menyumbangkan sepatah dua kata dalam Buku Laporan Tahunan 2024 ini, bersempena dengan Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan (MAPT) Kopmedia Kali Ke-57.

Tahniah saya ucapan atas penjenamaan semula koperasi ini daripada Koperasi New Straits Times Press (Malaysia) Berhad kepada Koperasi Media Prima Berhad. Diharapkan langkah ini akan menjadi pemangkin kepada peningkatan daya saing koperasi dalam menghadapi cabaran ekonomi semasa serta memperluaskan potensi pertumbuhan di masa hadapan.

Suruhanjaya Koperasi Malaysia Cawangan Wilayah Persekutuan (SKM WP) sentiasa menyokong segala usaha yang dilakukan oleh koperasi bagi menjana pendapatan seterusnya memberi manfaat kepada para anggota. Dalam merangka pelan strategi perniagaan, Koperasi dinasihatkan sentiasa fokus serta menetapkan sasaran yang ingin dicapai untuk jangka pendek dan jangka panjang. Setiap Koperasi yang berjaya bermula dengan aktiviti berskala kecil serta dibantu dan disokong oleh anggota-anggotanya.

Akhir kata, saya mendoakan agar Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan kali ini berjalan lancar, penuh harmoni dan membawa manfaat yang besar kepada seluruh anggota koperasi.

Sekian, terima kasih.

**“Koperasi Pemangkin Kemakmuran Bersama”**



**HAJI FADILAH BIN SALIM**

Pengarah  
Suruhanjaya Koperasi Malaysia Cawangan  
Wilayah Persekutuan  
15 Mei 2025

# KATA ALUAN

## PENGARAH SURUHANJAYA

## KOPERASI MALAYSIA

## CAWANGAN WILAYAH

## PERSEKUTUAN



**Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih dan Maha Penyayang**

Assalamualaikum warahmatullah hiwabarakatuh dan Salam Sejahtera

Pertama sekali, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada pihak Koperasi Media Prima Berhad atas kesudian memberi ruang dan peluang kepada saya untuk menyampaikan sepathah dua kata dalam Laporan Tahunan 2024 ini, bersempena dengan Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan ke-57.

Tahun ini menyaksikan perubahan penting apabila Koperasi New Straits Times Press (M) Berhad secara rasminya telah bertukar nama kepada Koperasi Media Prima Berhad (KOPMEDIA). Penjenamaan semula ini diharapkan dapat memberi nafas baharu dalam usaha menarik lebih ramai anggota dan ianya mendapat sokongan penuh syarikat induk, Media Prima Berhad.


Lebih menggembirakan lagi, prestasi kewangan KOPMEDIA telah menunjukkan peningkatan pada tahun 2024, satu petanda positif hasil usaha berterusan semua pihak.

Dengan pencapaian ini, KOPMEDIA berupaya menyalurkan pulangan dalam bentuk dividen dan seterusnya memberi penambahbaikan dalam kebijakan anggota demi kesejahteraan bersama.

Diharap perkembangan positif ini akan menarik minat lebih ramai warga Media Prima untuk menyertai KOPMEDIA dan sekaligus menjadikan koperasi ini sebagai pusat sehenti bagi keperluan perkhidmatan dan kebijakan anggota.

Sekian, terima kasih.

Selamat Maju Jaya. Wassalam



**ROSLI SABARUDIN**

Yang Dipertua  
20 Mei 2025

# **KATA ALUAN**

## **YANG DIPERTUA KOPERASI MEDIA PRIMA BERHAD**



**Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih dan Maha Penyayang**

Assalamualaikum warahmatullah hiwabarakatuh dan Salam Sejahtera

Alhamdulillah, dengan rasa syukur ke hadrat Allah SWT serta restu-Nya, Koperasi Media Prima Berhad (KOPMEDIA) (dahulu dikenali sebagai Koperasi New Straits Times Press (Malaysia) Berhad) berjaya mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan (MAPT) kali ke-57 selaras kehendak Akta Koperasi 1993.

KOPMEDIA telah mencatatkan prestasi kewangan yang menggalakkan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024. Keuntungan bersih yang meningkat berbanding tahun sebelumnya mencerminkan kecekapan tadbir urus serta sokongan berterusan daripada ahli koperasi dan rakan strategik koperasi. Dengan pencapaian ini, dividen dengan kadar yang lebih baik berbanding tahun 2023 akan diumumkan sebagai tanda penghargaan kepada semua anggota yang terus setia dan percaya kepada potensi KOPMEDIA.

Tahun 2024 turut menyaksikan kesinambungan pelaksanaan Pelan Strategik 2030 yang telah mula digerakkan sejak tahun 2023. Strategi jangka panjang ini menjadi panduan utama KOPMEDIA dalam memperkuuh struktur kewangan, memperluas peluang pelaburan dan meningkatkan penyertaan anggota, khususnya di kalangan warga kerja Media Prima Berhad.

Keputusan MAPT Ke-56 untuk menukar nama Koperasi New Straits Times Press (Malaysia) Berhad kepada Koperasi Media Prima Berhad telah direalisasikan apabila Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) meluluskan permohonan pada 10 Disember 2024. Langkah ini diyakini akan meningkatkan daya tarikan koperasi dalam kalangan kakitangan Media Prima serta memantapkan lagi peranan koperasi sebagai pemangkin kesejahteraan ekonomi warga syarikat.

Akhir kata, saya mewakili Anggota Lembaga KOPMEDIA ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak pengurusan Media Prima Berhad terutama kepada En. Mohd Rafiq Mat Razali, Pengarah Urusan Kumpulan Media Prima Berhad, pengurusan Allianz General Insurance Company Berhad, Sunlife Assurance Malaysia Berhad, Malay Mail Sdn Bhd, Media Travel & Holidays Sdn Bhd atas kerjasama dan sokongan yang diberikan.

Ucapan penghargaan juga diberikan kepada Datuk Rusli bin Jaafar, Ketua Pegawai Eksekutif SKM, kepimpinan Pengarah SKM Wilayah Hj Fadilah dan pegawai-pegawai SKM Cawangan Wilayah Persekutuan atas sokongan dan bimbingan yang berterusan kepada pengurusan Kopmedia dalam mengorak langkah ke hadapan.

Semoga semua perwakilan dapat bersidang di MAPT Ke-57 ini dan seterusnya memberi idea yang beras dalam memastikan Kopmedia akan terus maju.

Sekian, terima kasih. Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum wrt.

"MAJU KOPERASI ANGGOTA BAHAGIA"

**MOHD FADZIL ABDUL GHANI**

Pengerusi

15 Mei 2025

# KATA ALUAN

## PENGERUSI KOPERASI MEDIA PRIMA BERHAD



# MAKLUMAT KORPORAT

ANGGOTA LEMBAGA SESI 2024/2025



**Duduk dari kiri:** Baharuddin Ishak (Penolong Setiausaha), Abdul Rahim Llin (Setiausaha), Mohd Fadzil Abdul Ghani (Pengerusi) Fazleesham Mohd Yunus (Bendahari) dan Ahmad Shukran Hj Mohamed Salleh (Penolong Bendahari)

**Berdiri dari kiri:** Khairi Abdul Khalid, Ahmad Nizam Eusof, Kamarulzaman Mohd Salleh, Salehuddin Shah Shabudin, Khairuzzaman Mohammad , Mohd Hidzir Md Ismail dan Mohamad Wafi Mohamad Arof.

JAWATANKUASA AUDIT DALAM SESI 2024/2025



**Dari kiri:** Mohd Rizan Akmar Taharuddin, Mohd Hafiz Mohamad Ghazali (Pengerusi JKAD), Mohd Rizal Shaari, Nor Azmi Ali dan Shukor Hj Othman

## KAKITANGAN JALAN RIONG / MUTIARA BANGSAR



**Dari Kiri (Duduk):** Amir Mat Kupli (Pengurus Pemasaran Strategik dan Operasi), Rodziah Jamaah (Pengurus Besar), Azlina Ibrahim (Eksekutif Kanan Pentadbiran dan Modal Insan) dan Ridzwan Ahmad (Pengurus Hartanah, Perhubungan Awam dan Acara).

**Dari Kiri (Berdiri):** Ismadi Ismail, Nor Khairina Leela Nasaruddin, Nor Amiza Azizi, Aisy Afiqah Sabarudin, Noorhazifah Mohd Aminoor, Nur Khairul Azree Hanim Mohd Rasidi dan Abdul Syahid Abd Mutualib.

## KAKITANGAN AR-RAHNU X'CHANGE




**Dari Kiri:** Fatin Nabila Kamarul Baharin, Norsyahira Abdul Aziz, Muhamad Zulhairi Zaharuddin (Ketua Cawangan Bandar Sri Putera), Ainin Sofea binti Abd Basid (Ketua Unit Ar-Rahnu), Ruzita Abas, Siti Saleha Mohamad (Ketua Cawangan Dataran Mentari) dan Ramona Halmi

# AKTIVITI KOPMEDIA 2024

## HARI BERSAMA ANGGOTA

KOPMEDIA mengadakan Hari Bersama Anggota di Sri Pentas dan Balai Berita Bangsar setiap bulan bertujuan untuk memberi peluang kepada anggota untuk berkomunikasi secara dua hala. Bagi menarik minat anggota dan kakitangan Media Prima Berhad hadir dan memeriahkan suasana, kaunter jualan dan promosi barang dari pembekal-pembekal koperasi turut diadakan.



Hari Bersama Anggota  
di Balai Berita Bangsar



Hari Bersama Anggota di Sri Pentas

# HARI BERSAMA ANGGOTA

Pembukaan kaunter ini diteruskan di lokasi baru Coopmart di tingkat 6, Balai Berita Bangsar. Lokasi baru disediakan kerana pemindahan lokasi pejabat Media Prima Berhad dari Sri Pentas ke Jalan Riong, Bangsar. Dengan terkumpulnya semua anggota Media Prima Berhad dalam satu bumbung, lokasi diberikan amat strategik dan memudahkan lagi anggota mendapat perkhidmatan koperasi.



# PROGRAM RAMADAN 2024

## AGIHAN BUBUR LAMBUK DI BALAI BERITA BANGSAR DAN SRI PENTAS

KOPMEDIA telah mengagihkan juadah berbuka puasa (Bubur Lambuk) kepada anggota Koperasi serta kakitangan NSTP dan Media Prima di Balai Berita pada Khamis **25 Mac 2024**. Program ini akan menjadi program tahunan KOPMEDIA.



# SUMBANGAN TAJAAN MAJLIS BERBUKA PUASA



KOPMEDIA menaja majlis berbuka puasa untuk setiap surau iaitu Surau Balai Berita Bangsar, Surau Sri Pentas dan Surau Print Tower Prai. Semoga majlis ini akan mengimarahkan jemaah yang hadir.

# EDARAN TEMPANAH DAGING SEMPENA HARI RAYA AIDILFITRI

**5 April 2024** – Setiap tahun, adalah menjadi tradisi wajib kepada KOPMEDIA untuk menawarkan jualan daging sempena sambutan hari raya Aidilfitri kepada anggota-anggotanya serta kakitangan Media Prima Berhad. Edaran diadakan di Balai Berita Bangsar dan Sri Pentas.



# EDARAN CENDERAHATI KEPADA ANGGOTA

**Mei 2024** – Kaunter edaran telah diadakan di Balai Berita Bangsar dan Sri Pentas TV3. Cenderahati berupa T-shirt adalah penghargaan koperasi kepada anggotanya.




# TABUNG KHAIRAT KEMATIAN

Sebagai anggota Kopmedia, waris layak menerima sumbangan khairat ini sekiranya berlaku kematian kepada anggota, pasangan dan anak-anak mereka.



Khairat kepada waris  
**Allahyarhamah Salina Abdullah**



Khairat kepada waris  
**Allahyarham Mardi Morad**



Khairat kepada waris  
**Allahyarham Zolkefli Hamzah**



**Waris Roslan Baharuddin**  
menerima sumbangan



Sumbangan diserahkan kepada **Ku Azmi Ku Saad** atas kematian anak beliau

# TABUNG KEBAJIKAN AM

## ANUGERAH KECEMERLANGAN PENDIDIKAN SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2023 (SPM)

Sebagai penghargaan pengurusan KOPMEDIA kepada anak anggota yang cemerlang dalam pendidikan, KOPMEDIA menawarkan Anugerah Kecemerlangan Pendidikan. Anugerah berupa sijil penghargaan dan cek bernilai diantara RM270 dan RM300 dihadiahkan kepada penerima. Semoga pelajar ini terus berjaya dan kekal cemerlang.



**Azra Fatini Abd  
Ghafor (9A)**

Bapa: Abd Ghafor  
Adenan



**Nik Nur Aishah  
Hanim Nik  
Zulkhairi (9A)**

Bapa: Nik Zulkhairi  
Mohd Suzali Lee



**Adam Irfan  
Harraz Mohd  
Nadzri (10A)**

Bapa: Mohd Nadzri  
Mohd Raus



**Nuwaira Mohd  
Saiful (9A)**

Bapa: Mohd Saiful  
Mohd Sobri

# AKTIVITI LUAR KOPERASI

## LAWATAN KERJA KE KOPERASI PELABURAN KAKITANGAN BANK MUALAMAT (KOPUTRA)

**12 November 2024** – Lawatan KOPMEDIA ke KOPUTRA (Koperasi Pelaburan Kakitangan Bank Muamalat Malaysia Berhad) telah diadakan yang bertujuan untuk memperkuatkan jalinan kerjasama strategik serta pertukaran ilmu perniagaan antara dua koperasi yang berpotensi besar.



Melawat Kedai Emas dan Ar Rahnu Koputra

Bergambar beramai-ramai bersama pengurusan Koputra



# KEJOHANAN PETANQUE ANGKASA WILAYAH PERSEKUTUAN

**10 OGOS 2024** – KOPMEDIA telah menyertai Kejohanan Petanque Angkasa Wilayah Persekutuan anjuran Persatuan Petanque Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur di Arena Petanque Taman Pudu Ulu, Cheras, Kuala Lumpur. KOPMEDIA menghantar satu pasukan wanita dan satu pasukan lelaki.



Wakil pemain KOPMEDIA sedang beraksi untuk membuat lontaran



En Mohd Fadzil Abd Ghani, Pengurus KOPMEDIA bersama Hajah Sharifah Aminah Syed Mohssain, Pengurus Angkasa Wilayah Persekutuan

Wakil pemain KOPMEDIA bergambar dengan Pengurus, En Mohd Fadzil Abd Ghani



# MAJLIS PENYERAHAN INSENTIF PENGHARGAAN KESETIAAN FRANCAIS AR-RAHNU X'CHANGE

**29 Mei 2024** – KOPMEDIA telah disenaraikan sebagai penerima Insentif Kesetiaan Francais Ar-Rahnu X'Change. Kelayakan insentif adalah berdasarkan rekod tempoh operasi rangkaian dua cawangan iaitu Dataran Mentari, Petaling Jaya dan Bandar Seri Putra, Bangi. Kedua cawangan tersebut telah beroperasi selama 14 tahun dan 5 tahun.

**Pengerusi KOPMEDIA menerima anugerah daripada Haji Mohd Jafri Kudus, Pengerusi Rakyat Management Services Sdn Bhd. Bersama beliau adalah Mohamad Azwani bin Asa'd, Ketua Pegawai Eksekutif Rakyat Management Services Sdn Bhd**



**Semua penerima anugerah bergambar beramai-ramai**

# MAJLIS PENYERAHAN SUMBANGAN ASNAF RAKYAT MANAGEMENT SERVICES SDN BHD

**4 Mac 2024** – Satu majlis penyerahan sumbangan telah diadakan oleh Rakyat Management Services Sdn. Bhd bertempat dipremis Ar-Rahnu X'Change milik KOPMEDIA cawangan Bandar Seri Putra Bangi. Majlis ini bertujuan untuk memberi bantuan kepada asnaf serta menyokong pengimaran masjid. Jumlah sumbangan yang dikumpulkan adalah sebanyak RM31,000 dimana RM21,000 diperuntukkan kepada 70 keluarga asnaf dengan setiap keluarga menerima RM300 manakala RM10,000 diberikan untuk pengimaran masjid.



Dari kiri : Encik Mohd Nazim Ismail, Encik Mohd Fadzil Abd Ghani, Tuan Haji Mohd Jafri bin Kudus dan Encik Azlan Hj Yakob

# BENGKEL , SEMINAR DAN PENGURUSAN ACARA ANJURAN KNSTP SMART SOLUTIONS

KNSTP SMART SOLUTIONS merupakan satu program dibawah Koperasi Media Prima Berhad yang mengendalikan kursus, bengkel, seminar dan pengurusan acara khusus untuk koperasi-koperasi. 5 bengkel dan kursus telah diadakan pada tahun 2024.



**Kursus Pengurusan Risiko Ar Rahnu. 21-22 Februari 2024,  
Ideas Hotel Kuala Lumpur**



**Kursus Pengendalian Disiplin dan Siasatan  
Dalam, 7-8 Mei 2024, Ideas Hotel Kuala Lumpur**



**Bengkel Sun Tzu untuk Pemimpin Koperasi,  
22 & 23 Julai 2024, Ideas Hotel Kuala Lumpur**



**Bengkel Melukis dan Mewarna UNEH untuk anak-anak Koperasi,  
21 September 2024, Masjid Saidina Abu Bakar Bangsar, Kuala Lumpur**



**Bengkel Pengurusan Pembiayaan Kredit Koperasi,  
18-19 November 2024,  
Tamu Hotel & Suites Kuala Lumpur**

# PROGRAM TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT KOPMEDIA

**12 Oktober 2024** – KOPMEDIA dengan kerjasama Masjid Jamek Sultan Abdul Aziz Jalan Templer, Petaling Jaya, Selangor telah menganjurkan Program Tanggungjawab Sosial Korporat dengan mengadakan Bengkel Melukis dan Mewarna UNEH sempena sambutan Jubli Intan Masjid. Anak-anak kariah masjid yang berumur 4 – 12 tahun diberi peluang untuk mengikuti bengkel secara percuma. Seramai 90 orang telah menyertai bengkel mewarna tersebut. Penyumbang utama program adalah Angkatan Kebangsaan Koperasi Malaysia Berhad (ANGKASA)



# BENGKEL PENILAIAN PRESTASI PELAN STRATEGIK 2030 (PS30)

**5 Julai 2024** – Bengkel Penilaian Prestasi telah diadakan di TH Hotel, Kelana Jaya bagi memastikan Pelan Strategik 2030 yang telah ditetapkan sebelum ini, mengikut landasan yang betul. Bengkel dihadiri oleh Anggota Lembaga, Pengerusi Jawatankuasa Audit Dalam dan wakil pengurusan. Bengkel dikendalikan oleh Encik Zainuddin Ali, perunding PS 30 KOPMEDIA. Pelan tindakan akan dikemaskini mengikut keperluan semasa.



# MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KE-56

**3 Jun 2024** – Mesyuarat Agung Perwakilan KOPMEDIA ke-56 telah berlangsung di Ideas Hotel Kuala Lumpur dengan kehadiran 28 perwakilan. Ucaptama disampaikan oleh Yang Dipertua, Datuk Ahmad Zaini Kamaruzzaman dan mesyuarat dirasmikan oleh Mohd Fadzli Mat Lahim, Timbalan Pengarah dari Suruhanjaya Koperasi Malaysia Wilayah Persekutuan.





# KERJASAMA BAIK DARI SYARIKAT MEDIA PRIMA BERHAD

**1 April 2024** – Ahli Majlis Tertinggi KOPMEDIA telah mengadakan kunjungan hormat ke atas Pengurusan Tertinggi Kumpulan Media Prima Berhad di Bangsar, Kuala Lumpur. Tujuan pertemuan adalah untuk mengeratkan hubungan serta membincangkan kerjasama dalam aspek pembangunan ekonomi dan kebijakan anggota koperasi. Hadir sama dalam sesi kunjungan tersebut adalah Encik Mohd Rafiq Mat Razali, Pengarah Urusan Kumpulan Media Prima Berhad, Datuk Ahmad Zaini Kamaruzzaman, Pengarang Urusan Kumpulan NSTP, Encik Rosli Sabarudin, Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan Media Prima Berhad dan Puan Nor Arzlin Redzwan, Pengurus Besar Kumpulan Sumber Manusia Media Prima Berhad.



**7 Ogos 2024** – Sesi kunjungan hormat berkenaan cadangan penukaran nama telah dibincangkan bersama Encik Azlan Abd Aziz, Pengurus Besar Kumpulan Komunikasi Korporat Media Prima Berhad. Turut hadir dalam pertemuan tersebut adalah Encik Mahathir Mohd Sidi, Pengurus Kumpulan Komunikasi Korporat Media Prima Berhad. Setelah menerima persetujuan dari pengurusan Media Prima Berhad, permohonan telah dibuat kepada Suruhanjaya Koperasi Malaysia untuk pertukaran nama Koperasi New Straits Times Press (Malaysia) Berhad (KNSTP) ke Koperasi Media Prima Berhad (KOPMEDIA).



**Dari kiri** : En Mohd Fadzil Hj Abd Ghani, Pengurus KOPMEDIA bersama En Azlan Abdul Aziz, Pengurus Komunikasi Korporat, Media Prima Berhad merasmikan lokasi baru Coopmart



**Dari kiri** : En Abdul Rahim Llin, Setiausaha KOPMEDIA, memberi penerangan produk emas di Kopmedia

**4 November 2024** – Coopmart KOPMEDIA di driveway telah berpindah ke Tingkat 6, Anjung Liku, Balai Berita. Dengan perpindahan ke lokasi baru ini, majlis perasmian telah diadakan dan telah dirasmikan oleh Encik Azlan Abdul Aziz, Pengurus Besar Kumpulan Komunikasi Korporat, Media Prima Berhad.

# MAJLIS PELANCARAN KOPERASI MEDIA PRIMA BERHAD (KOPMEDIA)

**Februari 2025** – Suruhanjaya Koperasi Malaysia telah meluluskan permohonan pertukaran nama Koperasi New Straits Times Press (M) Berhad ke Koperasi Media Prima Berhad (KOPMEDIA) pada 12 Disember 2024. Pertukaran nama dan logo telah dilancarkan oleh Pengurus Kumpulan Media Prima Berhad, Datuk Seri (Dr) Syed Hussian Aljunid pada majlis pelancaran yang diadakan pada 28 Februari 2025 di Coopmart, tingkat 6, Anjung Liku, Balai Berita Bangsar. Langkah ini menandakan pencapaian penting dalam sejarah koperasi dan mencerminkan komitmen syarikat dalam menjaga kebajikan warga kerja Media Prima Berhad (MPB), khususnya ahli koperasi yang telah menyumbang kepada pembangunan koperasi sejak dahulu. Selain majlis pelancaran, KOPMEDIA memberi penghargaan kepada anggota setia melebihi 35 tahun dan pembeli tertinggi Coopmart.



Datuk Seri (Dr) Syed Hussian Aljunid menandatangani plaq majlis perasmian KOPMEDIA



Sesi bergambar bersama pemenang pertandingan logo baharu KOPMEDIA dan anugerah anggota setia melebihi 35 tahun serta hadiah pembeli tertinggi Coopmart.



Datuk Seri (Dr) Syed Hussian Aljunid mengunjungi Coop Mart



**KOPERASI MEDIA PRIMA BERHAD (196771400045)**

Pejabat : No. 8-16-4, Menara Mutiara Bangsar, Off, Jalan Bangsar, 59100 Kuala Lumpur  
 Tel : 03-22014647 / 03-22824647  
 Email : [admin@kopmedia.com.my](mailto:admin@kopmedia.com.my) Laman web : [www.kopmedia.my](http://www.kopmedia.my) FB : @kopmedia  
 IG : kopmedia Tiktok : kopmedia

**NOTIS DAN AGENDA MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN KE-57**

DIBERITAHU, Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke-57 akan diadakan pada **Ahad, 22 Jun 2025** jam **9.00 pagi** di **Ideas Kuala Lumpur, No. 12, Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur**.

**AGENDA MESYUARAT**

1. Mengesahkan Minit Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke-56;
2. Melantik 10 orang jawatankuasa untuk menentusah draf Minit Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke-57 yang harus terdiri daripada:  
     Empat (4) - Anggota Lembaga Enam (6) – Perwakilan;
3. Pemilihan empat (4) orang Anggota Lembaga tamat tempoh jawatan;
4. Membentang dan menerima Laporan Lembaga Bagi Tahun 2024;
5. Membentang dan menerima Laporan Jawatankuasa Audit Dalaman Bagi Sesi 2024/2025;
6. Membentang dan menerima Laporan Juruaudit Bebas dan Penyata Kewangan Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2024;
7. Membentang dan menerima Pandangan Suruhanjaya Ke atas Akaun-akaun dan Kunci Kira-kira Koperasi Berakhir Pada 31 Disember 2023;
8. Menimbang, menerima dan meluluskan :
  - a) Aturan Kumpulan Wang Penebusan Syer
  - b) Pindaan Aturan Tabung Kebajikan Am
  - c) Aturan Skim Pembiayaan Barang Kemas
9. Membentang dan meluluskan Anggaran Belanjawan bagi Tahun 2026;
10. Melantik Juruaudit Luar bagi Tahun 2025 dari senarai berikut :-
  - i) Al-Jeffri Dean Chartered Accountant
  - ii) Kamal Zahari & Co
  - iii) A Razak & Co
  - iv) MN Mustaffa & Co
11. Menimbang dan memberi kuasa kepada Lembaga meminjam wang tidak melebihi RM300,000,000.00 (Ringgit Malaysia : Tiga Ratus Juta Sahaja) dengan kadar faedah pasaran semasa;
12. Menimbang dan memberi kuasa kepada Lembaga melabur tidak melebihi RM300,000,000.00 (Ringgit Malaysia : Tiga Ratus Juta Sahaja) dari wang lebihan Koperasi;.
13. Menimbang usul-usul dan lain-lain perkara di mana notis telah diberikan secara bertulis sekurang-kurangnya 7 hari sebelum tarikh Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke-57.

**ABDUL RAHIM LLIN**  
**Setiausaha**  
 21 Mei 2025

**KOPERASI NEW STRAITS TIMES PRESS (MALAYSIA) BERHAD  
31 JALAN RIONG, 59100 KUALA LUMPUR. (No. Pendaftaran: 4369)**

**MINIT MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KE – 56**

**TARIKH :** 23 JUN 2024 (16 ZULHIJJAH 1445H)

**MASA :** 9:30 PAGI – 1:00 TENGAHARI

**TEMPAT :** BILIK LAGENDA 5 & 6  
IDEAS KUALA LUMPUR HOTEL  
JALAN RAJA LAUT, CHOW KIT  
50350 KUALA LUMPUR

**HADIR**

<b>Pengerusi</b>	: Sdr. Mohd Fadzil Abdul Ghani
<b>Setiausaha</b>	: Sdr. Abdul Rahim Llin
<b>Bendahari</b>	: Sdr. Fazleesham Mohd Yunus
<b>Penolong Bendahari</b>	: Sdr. Baharuddin Ishak
<b>Anggota Lembaga</b>	: Sdr. Ahmad Shukran Mohamed Salleh : Sdr. Khairuzzaman Hj. Mohammad : Sdr. Salehudin Shah Shabudin : Sdr. Mohamad Wafi Mohamad Arof : Sdr. Khairi Abdul Khalid : Sdr. Ahmad Nizam Eusof : Sdr. Kamarulzaman Mohd Salleh : Sdr. Mohd Hidzir Md Ismail

**Jawatankuasa Audit Dalam** : Lima (5) orang (rujuk senarai kehadiran)

**Perwakilan** : Sebelas (11) orang (rujuk senarai kehadiran)

**TURUT HADIR**

**Yang Dipertua** : Datuk Ahmad Zaini Kamaruzzaman

**Timbalan Pengarah** : En. Mohd Fadzli Mat Lahim  
Suruhanjaya Koperasi Malaysia  
Cawangan Wilayah Persekutuan

**Penolong Pengarah** : Pn. Norlizawati Daud  
Suruhanjaya Koperasi Malaysia  
Cawangan Wilayah Persekutuan

**Juruaudit Luar** : Azninor Buyong  
Fathiyah Selamat  
Amir Razak & Co. Chartered Accountants

**Pengurus Besar** : Pn. Rodziah Jama'ah

**Kakitangan** : Lapan (8) orang (rujuk senarai kehadiran)

## KATA-KATA ALUAN PENGACARA MAJLIS

Sdr. Amir Mat Kupli (n.a 6827) selaku pengacara majlis mengalu-alukan kehadiran semua perwakilan dan tetamu kehormat iaitu En. Mohd Fadzli Mat Lahim, Timbalan Pengarah Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) Wilayah Persekutuan (WP), Datuk Ahmad Zaini Kamaruzzaman, Yang Dipertua (YDP) Koperasi NSTP (M) Berhad (KNSTP), Pn. Norlizawati Daud, Penolong Pengarah SKM WP, Pn. Azminor Buyong dan Pn. Fathiyah Selamat, wakil A. Razak & Co, Juruaudit Luar ke Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan (MAPT) Ke-56 yang berlangsung di Ideas Kuala Lumpur.

## BACAAN DOA SELAMAT

Sebelum program dimulakan, Sdr. Ridzwan Ahmad (n.a 6826) membacakan doa selamat.

## NYANYIAN LAGU NEGARAKU DAN KECEMERLANGAN KOPERASI

Semua perwakilan, kakitangan dan tetamu kehormat berdiri untuk menyanyikan lagu Negaraku dan Kecemerlangan Koperasi.

## UCAPAN Pengerusi Koperasi NSTP (M) BERHAD

Pengerusi Koperasi, Sdr. Mohd Fadzil Abdul Ghani (n.a 6456) mengalu-alukan kehadiran tetamu kehormat, Anggota Lembaga (ALK), Jawatankuasa Audit Dalam (JKAD), semua perwakilan dan kakitangan koperasi.

### **Petikan daripada ucapan Pengerusi :**

Saya bersyukur ke-hadrat Allah SWT dengan limpah kurnia dan izinNya, dapat kita bersama-sama berhimpun untuk menjayakan MAPT Ke-56.

MAPT adalah medan di mana perwakilan berkumpul, berbincang dan menetapkan hala tuju koperasi. Oleh itu para perwakilan perlu menggunakan kesempatan pada hari ini untuk melibatkan diri secara langsung di MAPT.

Alhamdulillah pada tahun 2023, KNSTP kembali menunjukkan peningkatan positif, di mana pendapatan KNSTP mencapai RM3.3 juta, meningkat sebanyak enam peratus, 6% berbanding tahun 2022. Manakala, perbelanjaan dapat dikawal dan ianya berada di tahap yang sama seperti tahun 2022. Ini menyebabkan KNSTP memperolehi keuntungan bersih semasa sebanyak RM 101,847.

Pendapatan adalah dari aktiviti perniagaan pajak gadai Islam (Ar-Rahnu) yang meningkat sebanyak sebelas peratus, 11% berbanding tahun sebelumnya. Namun, aktiviti pembiayaan kepada anggota (kredit) telah menyusut sebanyak 6.4%.

Menyedari akan kemerosotan aktiviti kredit, ALK dan pengurusan KNSTP telah merancang Pelan Perancangan Strategik untuk tempoh enam (6) tahun atau Pelan Strategik 2030 (PS30), yang telah dilaksanakan secara berperingkat mulai tahun 2023.

Teras utama PS30 KNSTP adalah seperti berikut :

1. Memantapkan amalan baik tadbir urus yang berkesan mengikut nilai, prinsip dan aturan berteraskan Modal Insan berprestasi tinggi melalui teknologi terkini;
2. Meningkatkan aktiviti ekonomi dengan mengembangkan perniagaan sedia ada dan menceburi perniagaan baru yang berimpak dan
3. Mengelakkan kebijikan dan kemudahan anggota yang berorientasikan keperluan serta mewujudkan hubungan strategik dan usahasama di kalangan anggota dan masyarakat dalam menjalankan aktiviti koperasi.

Di antara perancangan perniagaan yang telah dirancang adalah seperti berikut :

1. Pengurusan Acara dan Latihan – telah dilaksanakan dan akan diperkembangkan lagi.
2. Kedai Dobi Layan Diri – kerjasama dengan anggota KNSTP yang kini mengendalikan perniagaan tersebut di Melaka.
3. Perniagaan Francais – seperti membuka kedai kopi yang terkini dan sebagainya.
4. Pengendali Stesen Pam Minyak – perancangan jangka panjang iaitu tahun 2027.

Di MAPT hari ini, terdapat usul untuk penjenamaan semula KNSTP kepada nama lain yang lebih relevan. Dilihat dari aspek positif, penjenamaan semula akan mempertingkatkan lagi imej KNSTP di samping memberi lebih keyakinan kepada kakitangan syarikat Media Prima Berhad untuk menjadi anggota. Selain itu, semua anggota KNSTP perlu menerima hakikat bahawa konsep perniagaan telah berubah mengikut peredaran masa.

Setiap tahun, empat (4) ALK akan gugur. Pada tahun ini, tujuh (7) calon telah menawarkan diri untuk memenuhi kekosongan tersebut.

Akhir kata, sekali lagi saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada En. Mohd Fadzli Mat Lahim, Datuk Ahmad Zaini Kamaruzzaman dan Pn. Norlizawati Daud di atas kerjasama, dorongan dan nasihat yang diberikan. Penghargaan juga kepada pengurusan Media Prima Berhad dan syarikat yang bernaung di bawahnya, pengurusan dan pentadbiran KNSTP dan perwakilan yang telah menunjukkan komitmen demi menjayakan MAPT Ke-56.

## KATA ALUAN DARI YANG DIPERTUA (YDP)

Datuk Ahmad Zaini Kamaruzzaman, YDP KNSTP mengalu-alukan kehadiran tetamu kehormat, semua perwakilan terutama ALK.

### Petikan daripada kata aluan YDP

Saya mengucapkan tahniah sebab KNSTP telah berjaya meraih keuntungan pada tahun kewangan 2023.

Merujuk kepada usul yang akan dibentangkan di Agenda 10, saya berharap supaya semua perwakilan sebulat suara bersetuju dengan usul pertukaran nama KNSTP. Ini kerana, cadangan tersebut merupakan keputusan perniagaan yang perlu diambil bagi tujuan mengambil peluang atas projek serumah Media Prima Berhad yang akan dilaksanakan sepenuhnya pada Januari atau Februari 2025.

Dengan perpindahan masuk semua kakitangan di Sri Pentas ke Balai Berita, ianya akan menaikkan potensi peningkatan bilangan anggota. Pertukaran nama KNSTP kepada Koperasi Media Prima Berhad adalah seiring dengan kehendak pegawai atasan Media Prima Berhad.

Beliau juga berharap KNSTP menerapkan anjakan ke arah teknologi tinggi iaitu (Artificial Technology (AI)). KNSTP perlu mengeluarkan modal supaya tidak ketinggalan. Contoh : menjual produk Coopmart kepada semua kakitangan Media Prima Berhad memandangkan ruang kedai yang diberi oleh syarikat adalah terhad.

Dari segi perancangan aktiviti perniagaan baru seperti dobi, pengurusan KNSTP perlu mendapatkan khidmat perunding yang mempunyai pengalaman meluas dalam membuat perancangan jangka panjang dan memastikan pelan tindakan dilaksanakan mengikut tempoh yang ditetapkan.

Akhir kata, saya mengucapkan terima kasih dan berharap usaha yang dilakukan oleh pengurusan KNSTP akan membawa hasil dan mencapai matlamat yang ditetapkan.

## **UCAPAN DAN PERASMIAN OLEH TIMBALAN PENGARAH SKM WP**

### **Petikan daripada ucapan perasmian Timbalan Pengarah SKM WP**

Tahniah diucapkan kepada ALK dan Pengurusan KNSTP kerana berjaya mengadakan MAPT ke-56.

Setiap saranan yang dicadangkan oleh YDP, amat disokong dan diharap dengan adanya penglibatan YDP, ianya dapat membantu KNSTP untuk memperolehi peluang perniagaan baru dari syarikat utama iaitu Media Prima Berhad.

SKM akan sentiasa memberi sokongan dengan menawarkan Tabung Modal Pusingan (TMP) sekiranya ingin membeli kedai pejabat. Sekiranya KNSTP tersenarai dalam indeks 100 terbaik, kadar caj keuntungan terbaik akan diberikan.

Dari segi usul pertukaran nama, ianya adalah usul yang baik. Namun, Media Prima Berhad (MPB) adalah sebuah syarikat yang besar, maka, kelulusan perlu diperolehi dari pengurusan atasan MPB. Selain itu, perwakilan perlu memberi mandat kepada ALK untuk mencadangkan tiga (3) nama yang sesuai selain dari Koperasi Media Prima Berhad. Ini mengelakkan dari permohonan ditolak oleh SKM. Keputusan MAPT pada hari ini adalah penting untuk tujuan tersebut.

Akhir kata, ucapan terima kasih atas jemputan. Dengan lafaz Bismillahirahmanirrahim, saya selaku Timbalan Pengarah SKM WP merasmikan MAPT KNSTP kali ke-56.

### **VIDEO MONTAJ & LAGU SINAR KOPERASI**

Video Montaj dan Lagu Sinar Koperasi ditayangkan kepada semua yang hadir.

### **BACAAN IKRAR OLEH SEMUA PERWAKILAN**

Semua perwakilan sesi 2024 – 2026 berdiri untuk membaca ikrar yang diketuai oleh Sdr. Muhammad Asyadi B Omar (n.a 7692).

### **PEMILIHAN PENGERUSI MESYUARAT**

Sdr. Amir Mat Kupli (n.a 6827) merujuk kepada UUK Fasal 34(1), di mana ianya menyatakan bahawa “Pengerusi Koperasi hendaklah mempengerusikan mesyuarat agung perwakilan dan sekiranya pengerusi tidak hadir, anggota lembaga yang dipilih oleh mesyuarat agung perwakilan itu hendaklah mempengerusikan mesyuarat agung tersebut.” Oleh kerana, Sdr. Mohd Fadzil Abdul Ghani (n.a 6456), Pengerusi KNSTP hadir, maka beliau akan mempengerusikan MAPT Ke-56.

### **KENYATAAN KORUM**

Sdr. Mohd Fadzil Abdul Ghani (n.a 6456) selaku pengerusi mesyuarat memaklumkan bahawa menurut Undang-undang Kecil Koperasi (UUK) Fasal 30(1) “Korum mesyuarat agung perwakilan yang diperlukan adalah satu pertiga dari jumlah perwakilan”. Keseluruhan perwakilan seramai dua puluh lapan (28) orang telah hadir.

### **PEMILIHAN PENCATAT MINIT**

Bagi memenuhi tatacara mesyuarat, dua (2) pencatat minit perlu dipilih.

Pengerusi mencadangkan supaya Pn. Rodziah Jama'ah (n.a 6768) dan Pn. Noorhazifah Mohd Aminoor (n.a 10179) dipilih sebagai pencatat minit. Manakala, Sdr. Abdul Rahim Llin (n.a 5261), Setiausaha KNSTP akan menyelia penyediaan minit tersebut. Cadangan ini disokong oleh Sdr. Roslan Baharuddin (n.a 1979).

Dengan pelantikan pengerusi mesyuarat dan pemilihan dua (2) pencatat minit, MAPT Ke-56 dimulakan.

## DIBENTANG DAN DIBINCANGKAN

### AGENDA 1 : MENGESAHKAN MINIT MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KE-55

Pengerusi membentangkan Minit Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke-55. (Rujuk Laporan Tahunan 2023 muka surat 28 – 42). Beliau memaklumkan bahawa minit ini telah disahkan oleh Jawatankuasa Penentusah Minit yang telah dilantik.

Dicadang oleh : Pn. Dauza Umat (n.a 4886).

Disokong oleh : Sdr. Mohd Rizan Akmar Bin Taharuddin (n.a 10117).

Keputusan : Mesyuarat sebulat suara bersetuju mengesahkan Minit Mesyuarat Agung Perwakilan Ke-55.

### AGENDA 2 : MELANTIK 10 ORANG JAWATANKUASA UNTUK MENENTUSAH DRAF MINIT MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KE-56 YANG TERDIRI DARIPADA : EMPAT (4) ORANG : ANGGOTA LEMBAGA ENAM (6) ORANG : PERWAKILAN

Pengerusi mencadangkan supaya empat (4) orang Anggota Lembaga (ALK) sebagai Jawatankuasa untuk Menentusah Draf Minit Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke-56 akan ditentukan oleh ALK di mesyuarat lembaga pertama.

Sdr. Abdullah Azizi Abdul Rahman (n.a 6361) menyokong cadangan tersebut.

Pencalonan untuk enam (6) orang perwakilan sebagai Jawatankuasa Menentusah Draf Minit Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke-56 adalah seperti berikut :

Cadangan pertama : Pn. Dauza Umat (n.a 4886)

Dicadang oleh : Sdr. Salehudin Shah Shabudin (n.a 4488)

Disokong oleh : Sdr. Muhammad Asyadi B Omar (n.a 7692)

Cadangan kedua : Sdr. Nor Azmi Ali (n.a 6077)

Dicadang oleh : Sdr. Mohd Rizan Akmar Taharuddin (n.a 10117)

Disokong oleh : Sdr. Essmady Ishak (n.a 5973)

Cadangan ketiga : Sdr. Mohamed Zulkifli Sulaiman (n.a 9839)

Dicadang oleh : Sdr. Mohd Hidzir Md Ismail (n.a 4995)

Disokong oleh : Sdr. Mohd Rizal Shaari (n.a 8772)

Cadangan keempat : Sdri. Norsyalwana Zakaria (n.a 10621)

Dicadang oleh : Sdr. Khairi Abdul Khalid (n.a 8212)

Disokong oleh : Sdr. Mohd Haris Ainal Jamal (n.a 9133)

Cadangan kelima : Sdr. Mohd Rizan Akmar Taharuddin (n.a 10117)

Dicadang oleh : Sdr. Nor Azmi Ali (n.a 6077)

Disokong oleh : Sdr. Mohd Hafiz Mohamad Ghazali (n.a 8424)

Cadangan keenam : Sdr. Abdullah Azizi Abdul Rahman (n.a 6361)

Dicadang oleh : Sdr. Mohamed Zulkifli Sulaiman (n.a 9839)

Disokong oleh : Sdr. Roslan Baharuddin (n.a 1979)

Sdr. Roslan Baharuddin (n.a 1979) mencadangkan supaya cadangan ditutup. Disokong oleh Sdr. Salehudin Shah Shabudin (n.a 4488).

Keputusan : Dengan cadangan di atas, mesyuarat sebulat suara bersetuju melantik enam (6) orang perwakilan seperti nama di atas sebagai Jawatankuasa Menentusah Minit MAPT Ke-56.

**AGENDA 3 : PEMILIHAN EMPAT (4) ORANG ANGGOTA LEMBAGA TAMAT TEMPOH JAWATAN**

Sdr. Abdul Rahim Llin (n.a 5261) selaku Setiausaha memaklumkan bahawa Anggota Lembaga yang telah tamat tempoh jawatan mengikut Undang-Undang Kecil 37 Fasal (1) pada tahun ini adalah seperti berikut:

1. Sdr. Mohd Fadzil Abdul Ghani (n.a 6456)
2. Sdr. Baharuddin Ishak (n.a 6514)
3. Sdr. Mohamad Wafi Mohamad Arof (n.a 8485)
4. Sdr. Mohd Hidzir Md Ismail (n.a 4995)

**SENARAI CALON UNTUK JAWATAN ANGGOTA LEMBAGA**

Setiausaha memaklumkan bahawa KNSTP menerima tujuh (7) pencalonan untuk jawatan Anggota Lembaga iaitu:

1. Pn. Dauza Umat (n.a 4886)
2. Sdr. Mohd Fadzil Abdul Ghani (n.a 6456)
3. Sdr. Mohd Redzuan Abd Rahman (n.a 5234)
4. Sdr. Mohd Haris Ainal Jamal (n.a 9133)
5. Sdr. Mohd Hidzir Md Ismail (n.a 4995)
6. Sdr. Mohamad Wafi Mohamad Arof (n.a 8485)
7. Sdr. Baharuddin Ishak (n.a 6514)

Semua calon di atas telah diberi peluang selama dua (2) minit untuk memperkenalkan diri dan menyatakan wawasan masing-masing untuk kemajuan KNSTP.

**AHLI JAWATANKUASA PENGIRA UNDI**

Sebelum memulakan sesi pengundian, Setiausaha mencadangkan supaya Ahli Jawatankuasa Pengira Undi terdiri daripada urusetia seperti berikut :

- |                                 |             |
|---------------------------------|-------------|
| Ketua : Sdr. Amir Mat Kupli     | (n.a 6827)  |
| AJK : Pn. Azlina Ibrahim        | (n.a 6656)  |
| : Pn. Siti Saleha Mohamad       | (n.a 10514) |
| : Sdri. Ainin Sofea Abdul Basid | (n.a 9849)  |

Keputusan : Mesyuarat sebulat suara bersetuju dengan cadangan.

## AHLI JAWATANKUASA DISIPLIN

Setiausaha memaklumkan bahawa Ahli Jawatankuasa Disiplin telah ditubuhkan bagi memantau proses pencalonan dan pengundian yang terdiri daripada :

Pengerusi : Sdr. Fazleesham Mohd Yunus	(n.a 4270)
AJK : Sdr. Mohd Hafiz Mohamad Ghazali	(n.a 8424)
: Sdr. Hj. Shukor Hj. Othman	(n.a 2502)

## PROSES PENGUNDIAN DIJALANKAN

Prosedur pengundian dijalankan iaitu semua perwakilan perlu beratur dan menyerahkan kupon undi untuk ditukarkan kepada borang undi melalui AJK Pengira Undi yang telah dilantik. Pembuangan undi akan dilakukan di meja yang telah ditetapkan sahaja. Calon yang dibenarkan untuk dipilih adalah maksimum empat (4) orang sahaja.

Mesyuarat diteruskan sementara proses pengiraan undian dijalankan.

## KEPUTUSAN UNDIAN

Di akhir mesyuarat, Setiausaha mengumumkan keputusan undian bagi empat (4) calon yang berjaya mendapat undian tertinggi seperti berikut:

1. Sdr. Mohd Fadzil Abdul Ghani	(n.a 6456)	23 undian
2. Sdr. Mohd Hidzir Md Ismail	(n.a 4995)	22 undian
3. Sdr. Baharuddin Ishak	(n.a 6514)	20 undian
4. Sdr. Mohamad Wafi Mohamad Arof	(n.a 8485)	14 undian

Keputusan : Mesyuarat sebulat suara bersetuju melantik keempat-empat nama di atas sebagai Anggota Lembaga sesi 2024/2027.

## PENYERAHAN SIJIL PELANTIKAN & BACAAN IKRAR

Pn. Norlizawati Daud, Penolong Pengarah SKM WP menyerahkan sijil pelantikan kepada mereka.

Empat (4) Anggota Lembaga yang baru dilantik di atas membaca ikrar di hadapan semua perwakilan.

## AGENDA 4 : MENERIMA DAN MELULUSKAN LAPORAN-LAPORAN

### a) LAPORAN LEMBAGA BAGI TAHUN 2023

Pengerusi membentangkan Laporan Lembaga Bagi Tahun 2023. Laporan ini termasuk Laporan Jawatankuasa Kecil yang terdiri daripada :

- a) Jawatankuasa Kewangan, Pentadbiran, Pengurusan Hartanah & Modal Insan;
- b) Jawatankuasa Pembiayaan, Skim Perlindungan & Pelancongan;
- c) Jawatankuasa Kutipan, Litigasi & Pengurusan Risiko;
- d )Jawatankuasa Komersial, Bisnes & Coopmart;
- e )Jawatankuasa Ar-Rahnu dan

f) Jawatankuasa Keanggotaan, Kebajikan & Komunikasi

Rujuk Laporan Tahunan 2023 ( muka surat 46 - 71).

Pn. Dauza Umat (n.a 4886) merujuk kepada Laporan Jawatankuasa Kecil Ar-Rahnu di muka surat 61, didapati ada kesilapan iaitu Pengerusi Jawatankuasa Kecil adalah Sdr. Fazleesham Mohd Yunus (n.a 4270), namun, penandatangan di laporan tersebut adalah Sdr. Mohd Fadzil Abdul Ghani (n.a 6456).

Pengerusi maklum berkenaan kesilapan tersebut dan akan membuat pembetulan. Beliau menyatakan semakan kerap dilakukan, namun, masih terdapat kesilapan.

Dicadang oleh : Pn. Dauza Umat (n.a 4886).

Disokong oleh : Sdr. Salehudin Shah Shabudin (n.a 4488).

Keputusan : Mesyuarat sebulat suara bersetuju menerima dan meluluskan Laporan Lembaga bagi Tahun 2023.

### **b) LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT DALAM BAGI SESI 2023/2024**

Pengerusi membentangkan Laporan Jawatankuasa Audit Dalam sesi 2023/2024. Rujuk Laporan Tahunan 2023 (muka surat 72 – 74).

Jawatankuasa Audit Dalam (JKAD) terdiri daripada lima (5) orang perwakilan. Pengauditan telah dilakukan setiap bulan dalam memastikan urusan KNSTP teratur dan mengikut prosedur ditetapkan.

Dicadang oleh : Sdr. Kamarulzaman Mohd Salleh (n.a 8771)

Disokong oleh : Sdr. Mohamed Zulkifli Sulaiman (n.a 9839).

Keputusan : Mesyuarat sebulat suara bersetuju menerima dan meluluskan Laporan Jawatankuasa Audit Dalam Bagi Sesi 2023/2024.

### **c) LAPORAN JURUAUDIT LUAR DAN PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

Sdr. Fazleesham Mohd Yunus (n.a 4270) selaku Bendahari KNSTP membentangkan Laporan Juruaudit Luar dan Penyata Kewangan bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2023. Rujuk Laporan Tahunan 2023 (muka surat 78 - 82).

**RINGKASAN** : rujuk m/s 84 – 90

BUTIRAN	TAHUN 2022	TAHUN 2023	PENINGKATAN / (PENURUNAN)	PERATUS % NAIK / (TURUN)
Pendapatan	3,148,499	3,338,006	189,507	6%
Perbelanjaan	3,236,001	3,236,159	158	0.005%
Keuntungan Bersih	(87,502)	101,847	189,349	

#### PENDAPATAN

Pendapatan meningkat disebabkan oleh perniagaan Ar-Rahnu yang mendapat sambutan baik

dengan tambahan modal pusingan dari Bank Rakyat. Namun, pendapatan menurun dari aktiviti kredit disebabkan penurunan bilangan anggota, manakala anggota sedia ada telah mencapai had kelayakan potongan gaji. Selain itu, Skim Pembiayaan Jangka Panjang dibuka berdasarkan kuota yang ditetapkan setiap bulan.

PERBELANJAAN

Dari segi perbelanjaan pula, kebanyakan perbelanjaan terkawal. Antara perbelanjaan yang menurun adalah belanja Elaun Anggota Lembaga di mana ALK bersetuju untuk mengurangkan belanja elau tetap sebanyak RM100 sebulan.

Pn. Dauza Umat (n.a 4886) merujuk kepada Kunci Kira-kira, iaitu memohon penjelasan tentang item Deposit Koperasi Belum Bayar dan kenapa tiada peruntukan zakat bagi tahun 2022 dan 2023.

Bendahari memaklumkan bahawa bagi perkara Akaun Deposit Koperasi Belum Bayar, ianya adalah berkaitan dengan agenda (d).

Bendahari memaklumkan bahawa tiada peruntukan zakat bagi tahun 2022 sebab KNSTP mengalami kerugian. Manakala, pada tahun 2023, peruntukan zakat tidak dibuat kerana masih dalam proses permohonan pengiraan dari agen pungutan zakat.

KESIMPULAN

Pendapatan meningkat dan perbelanjaan terkawal menyebabkan KNSTP meraih keuntungan sebanyak RM 101,847.

Dicadang oleh : Sdr. Salehudin Shah Shabudin (n.a 4488).

Disokong oleh : Sdr. Mohd Hidzir Md Ismail (n.a 4995).

Keputusan : Mesyuarat sebulat suara bersetuju menerima dan meluluskan Laporan Juruaudit Luar dan Penyata Kewangan Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2023.

**d) PEMBAHAGIAN KEUNTUNGAN IAITU AGIHAN DIVIDEN KEPADA ANGGOTA DAN TABUNG SEBAGAIMANA YANG DICADANGKAN OLEH ANGGOTA LEMBAGA**

Bendahari KNSTP merujuk kepada Akaun Pembahagian Keuntungan (rujuk muka surat 87).

Dengan Keuntungan Bersih RM101,847, ALK mencadangkan pemberian dividen sebanyak dua peratus, 2% atas modal yuran anggota pada 30/06/2023. Amaun dividen yang akan dibayar adalah RM250,112.

Mengikut amaun untung bersih semasa, KNSTP hanya layak memberi dividen sebanyak kosong perpuluhan lima peratus, 0.5% sahaja iaitu RM62,528.

ALK mengesyorkan tambahan satu perpuluhan lima peratus, 1.5% dari sumber lain iaitu Keuntungan Terkumpul. Permohonan masih tertakluk kepada kelulusan SKM.

Selain itu, ALK juga mencadangkan untuk mengagihkan keuntungan seperti berikut :

a) Tabung Perlindungan Pembiayaan : RM5,000

b) Tabung Kebajikan Am : RM15,000

Dicadang oleh : Sdr. Salehudin Shah Shabudin (n.a 4488).

Disokong oleh : Sdr. Mohd Hidzir Md Ismail (n.a 4995).

Keputusan : Mesyuarat sebulat suara bersetuju menerima dan meluluskan Pembahagian Keuntungan iaitu Agihan Dividen kepada Anggota dan Tabung sebagaimana yang dicadangkan oleh Anggota Lembaga.

**e) PANDANGAN SURUHANJAYA KE ATAS AKAUN-AKAUN DAN KUNCI KIRA-KIRA KOPERASI BERAKHIR 31 DISEMBER 2022**

Bendahari membentangkan Pandangan Suruhanjaya ke atas Akaun-akaun dan Kunci Kira-kira Koperasi Berakhir 31 Disember 2022. Rujuk Laporan Tahunan 2023 (muka surat 75 - 77)

Pandangan oleh Suruhanjaya telah dilaksanakan di Laporan Kewangan bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2023. Rujuk Laporan Tahunan 2023 muka surat 111 (Nota 13. Akaun Deposit Koperasi) dan muka surat 124 (Nota 32. Akaun Deposit Koperasi Belum Bayar).

Amaun belum bayar sebanyak RM131,422 di dalam Pandangan Suruhanjaya diatas telah diselesaikan sepenuhnya oleh pengurusan KNSTP pada tahun kewangan 2023. Manakala, amaun sebanyak RM12,224 akan dibayar pada tahun 2024.

Dicadang oleh : Sdr. Mohamed Zulkifli Sulaiman (n.a 9839)  
 Disokong oleh : Sdr. Khairi Abdul Khalid (n.a 8212)

Keputusan : Mesyuarat sebulat suara menerima Pandangan Suruhanjaya ke atas Akaun-akaun dan Kunci Kira-kira Koperasi Berakhir pada 31 Disember 2022.

**AGENDA 5 : MENERIMA DAN MELULUSKAN**

**a) PINDAAN ATURAN SKIM PEMBIAYAAN PENDIDIKAN**

Pengerusi membentangkan Pindaan Aturan Skim Pembiayaan Pendidikan. Rujuk Buku Lampiran muka surat 1 & 2.

Beliau memaklumkan tujuan pindaan adalah untuk membantu kewangan anggota dalam membayai kos pengajian pendidikan anak-anak anggota. Pembiayaan disediakan ini diharap dapat membantu pelajar sebelum memperolehi tajaan MARA, JPA atau PTPN pada semester pertama. Yuran akan dibayar pada setiap semester sehingga pengajian berakhir.

**b) CADANGAN YURAN PROSES SKIM PEMBIAYAAN & PENGELOUARAN MODAL YURAN**

Pengerusi membentangkan Cadangan Yuran Proses Skim Pembiayaan dan Skim Pengeluaran Modal Yuran. Rujuk Buku Lampiran muka surat 3.

Pengerusi memaklumkan bahawa yuran proses dikenakan kerana sebelum ini, kos ditanggung oleh KNSTP. Contoh : kos kewangan, cetakan dan alatulis. Mengikut Garis Panduan SKM, koperasi dibenarkan mengenakan yuran proses yang bersesuaian selagi ianya tidak membebankan anggota.

Sdr. Muhammad Asyadi Omar (n.a 7692) merujuk kepada caj surat penyelesaian penuh bank luar. Bilakah caj tersebut akan dikenakan kepada anggota. Pn. Rodziah Jama'ah (n.a 6768) menjelaskan bahawa caj tersebut dimasukkan di dalam amaun penyelesaian penuh yang diberi kepada bank tempatan yang dipohon oleh anggota.

Dicadang oleh : Sdr. Muhamad Asyadi Omar (n.a 7692)  
Disokong oleh : Sdr. Roslan Baharuddin (n.a 1979)

Keputusan : Mesyuarat sebulat suara bersetuju menerima dan meluluskan Pindaan Aturan Skim Pembiayaan Pendidikan dan Cadangan Yuran Proses Skim Pembiayaan dan Pengeluaran Modal Yuran.

**AGENDA 6 : MENGESEHKAN ANGGARAN PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN BAGI TAHUN 2025**

Sdr. Fazleesham Mohd Yunus selaku Bendahari membentangkan Anggaran Pendapatan dan Perbelanjaan bagi Tahun 2025. Rujuk Laporan Tahunan 2023 muka surat 131 – 132.

Pn. Dauza Umat (n.a 4886) meminta kepastian, mengapa anggaran belanja Elaun Audit Dalam dan Insurans dan Perubatan ALK bagi tahun 2025 terlalu rendah berbanding anggaran tahun 2024. Beliau juga minta penjelasan mengapa anggaran Socso menurun dan KWSP meningkat.

Pengerusi menjelaskan bahawa anggaran perbelanjaan menurun kerana KNSTP telah menamatkan skim perlindungan kemalangan diri kepada semua ALK bermula tahun 2023. Selain itu, semua anggaran tahun 2025 disediakan berdasarkan perbelanjaan sebenar tahun 2023. Ini bertujuan supaya anggaran tidak terlebih catat.

Dicadang oleh : Sdr. Roslan Baharuddin (n.a 1979).  
Disokong oleh : Sdr. Mohamed Zulkifli Sulaiman (n.a 9839).

Keputusan : Mesyuarat sebulat suara bersetuju menerima dan mengesahkan Anggaran Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun 2025.

**AGENDA 7 : MELANTIK JURUAUDIT LUAR BAGI TAHUN 2024**

Pengerusi memaklumkan bahawa senarai nama Juruaudit Luar yang dicadangkan untuk dilantik adalah seperti berikut :

- i) Al-Jeffri Dean Chartered Accountant.
- ii) Kamal Zahari & Co
- iii) A. Razak & Co.
- iv) Hisham & Co. Chartered Accountants (Malaysia) Berhad

Pada tahun kewangan 2023, KNSTP menggunakan khidmat juruaudit luar A. Razak & Co.

Sdr. Roslan Baharuddin (n.a 1979) mencadangkan supaya ALK diberikan hak untuk memilih berdasarkan senarai di atas.

Sdr. Mohd Hidzir Md Ismail (n.a 4995) menyokong cadangan tersebut.

Keputusan : Mesyuarat sebulat suara bersetuju memberi hak kepada ALK untuk memilih Juruaudit Luar bagi tahun 2024.

**AGENDA 8 : MEMBERI KUASA KEPADA LEMBAGA MEMINJAM WANG TIDAK MELEBIHI RM300,000,000 (RINGGIT MALAYSIA : TIGA RATUS JUTA SAHAJA) DENGAN KADAR FAEDAH PASARAN SEMASA**

Sdr. Roslan Baharuddin (n.a 1979) berpendapat untuk meluluskan pinjaman wang sebanyak Tiga Ratus Ribu sahaja. Pengerusi menjelaskan bahawa amaun tersebut tidak mencukupi bagi tujuan perniagaan yang dirancangkan seperti Stesen Pam Minyak. Contoh : ada anggota mempunyai tanah untuk aktiviti tersebut, maka keperluan amaun pinjaman sebanyak Tiga Ratus Juta adalah lebih bersesuaian.

Dicadang oleh : Sdr. Roslan Baharuddin (n.a 1979)  
 Disokong oleh : Sdr. Mohd Rizan Akmar Taharuddin (n.a 10117)

Keputusan : Mesyuarat sebulat suara bersetuju memberi kuasa kepada Anggota Lembaga meminjam wang tidak melebihi RM300,000,000 (Ringgit Malaysia : Tiga Ratus Juta Sahaja) dengan kadar faedah pasaran semasa.

**AGENDA 9 : MEMBERI KUASA KEPADA LEMBAGA MELABUR TIDAK MELEBIHI RM300,000,000 (RINGGIT MALAYSIA : TIGA RATUS JUTA SAHAJA) DARI WANG LEBIHAN KOPERASI**

Dicadang oleh : Sdr. Salehudin Shah Shabudin (n.a 4488)  
 Disokong oleh : Sdr. Mohd Hafiz Mohamad Ghazali (n.a 8424)

Keputusan : Mesyuarat sebulat suara bersetuju memberi kuasa kepada Anggota Lembaga melabur tidak melebihi RM300,000,000 (Ringgit Malaysia : Tiga Ratus Juta Sahaja) dari wang lebihan koperasi.

**AGENDA 10 : MENIMBANGKAN USUL DAN LAIN-LAIN PERKARA DI MANA NOTIS TELAH DIBERIKAN SECARA BERTULIS SEKURANG-KURANGNYA TUJUH (7) HARI SEBELUM TARikh MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KE-56**

Sdr. Abdul Rahim Llin (n.a 5261) selaku Setiausaha memaklumkan bahawa koperasi menerima dua (2) usul dari perwakilan seperti berikut:

**1) Nama Koperasi New Straits Times Press (Malaysia) Berhad (KNSTP) diubah ke Koperasi Media Berhad Nama Pembawa Usul : Sdr. Abdul Rahim Llin (n.a 5261)**

Setiausaha memaklumkan bahawa pertukaran nama perlu bagi tujuan penjenamaan semula KNSTP. Sebagaimana yang dicadangkan oleh SKM, salah satu nama yang akan dicadangkan adalah Koperasi Media Prima Berhad. Selain itu, beliau berharap, perwakilan memberi mandat kepada ALK untuk menetapkan nama yang sesuai.

Sdr. Mohd Redzuan Ab Rahman (n.a 5234) bersetuju dengan cadangan Setiausaha iaitu memberi mandat kepada ALK untuk mendapatkan nama yang sesuai. Apabila nama telah dipilih, perkara ini perlu dimaklumkan kepada semua anggota.

Sdr. Mohd Haris Ainal Jamal (n.a 9133) menyokong cadangan tersebut.

Sdr. Nor Azmi Ali (n.a 6077) meminta kepastian mengapa nama yang dicadangkan di usul adalah Koperasi Media Berhad dan bukannya Koperasi Media Prima Berhad sebagaimana saranan YDP.

Setiausaha memaklumkan bahawa nama di dalam Usul adalah cadangan awal. Beliau juga turut menyokong saranan dari YDP.

**2) Anggota mahu nama “KNSTP” dikekalk 57 tahun.**

**Nama Pembawa Usul : Sdr. Essmady Ishak (n.a 5973)**

Setiausaha mohon komen dari perwakilan samada menerima usul yang pertama atau ingin mengekalkan nama KNSTP.

Sdr. Hj. Shukor Hj. Othman (n.a 2502) bersetuju dengan cadangan yang dikemukakan oleh YDP iaitu menukar nama KNSTP kepada Koperasi Media Prima Berhad. Penggunaan nama tersebut perlu mendapat kelulusan dari pihak syarikat.

Sdr. Roslan Baharuddin (n.a 1979) menyokong usul yang pertama. Beliau juga memberi mandat kepada ALK tentang nama baru yang sesuai.

Sdr. Kamarulzaman Mohd Salleh (n.a 8771) merujuk kepada saranan YDP dan Timbalan Pengarah iaitu keputusan pertukaran nama adalah atas sebab keputusan perniagaan bagi memastikan perniagaan KNSTP lebih maju. Oleh itu, mengekalkan nama KNSTP tidak perlu diteruskan dan telah sampai masa untuk KNSTP memikirkan masa depan yang lebih cerah.

Sdr. Muhammad Asyadi Omar (n.a 7692) berharap logo baru masih mengekalkan warna oren sebagai pilihan warna utama. Setiausaha memaklumkan bahawa ianya sukar untuk dikekalkan memandangkan warna oren tidak lagi relevan dan bangunan NSTP sedia ada turut telah bertukar warna.

Sdr. Khairuzzaman Hj. Mohammad (n.a 4915) membantah pertukaran nama KNSTP kepada apa-apa nama samada Koperasi Media Berhad atau Koperasi Media Prima Berhad. Pendirian beliau masih sama seperti perbincangan di MAPT Ke-44 pada 22 Jun 2012 di Bayview Beach Resort. Apabila berada di bawah satu bumbung di Balai Berita, adalah masa yang sesuai untuk menaikkan nama KNSTP kepada semua kakitangan. Ini kerana, belum pasti, samada dengan pertukaran nama ini, ianya akan menambah pendapatan dan seterusnya mengubah prestasi KNSTP secara mendadak. Apa yang penting adalah hala tuju KNSTP.

Sdr. Abdullah Azizi Abdul Rahman (n.a 6361) menyokong pandangan tersebut.

Sdr. Salehuddin Shah Shabudin (n.a 4488) turut menyokong saranan YDP untuk pertukaran nama tersebut supaya lebih maju ke hadapan.

Oleh kerana, terdapat percanggahan pendapat di kalangan perwakilan untuk usul pertukaran nama KNSTP, maka Setiausaha mencadangkan supaya pengundian secara angkat tangan diadakan bagi mendapatkan keputusan muktamad.

Keputusan : Mesyuarat sebulat suara bersetuju dengan cadangan tersebut.

**KEPUTUSAN UDIAN UNTUK USUL PERTUKARAN NAMA**

Sesi pengundian telah diadakan dan keputusan undian adalah seperti berikut :

	<b>USUL</b>	<b>UNDIAN</b>
1)	Setuju untuk Tukar Nama KNSTP	24 undian
2)	Setuju untuk kekalkan nama KNSTP	4 undian

Keputusan : Dengan undian di atas, majoriti bersetuju untuk tukar nama KNSTP.

Sebagaimana yang disarankan oleh SKM, tiga cadangan nama yang dipersetujui oleh perwakilan adalah seperti berikut :

- a) Koperasi Media Berhad
- b) Koperasi Media Prima Berhad
- c) Koperasi Kakitangan Media Prima Berhad

Keputusan : Mesyuarat sebulat suara bersetuju dengan cadangan di atas.

### **CADANGAN / HAL-HAL LAIN**

Sdr. Mohd Redzuan Ab Rahman (n.a 5234) meminta kepastian, adakah kakitangan dibenarkan berkongsi maklumat tentang kelayakan seseorang sebagai penjamin. Tindakan ini telah menimbulkan perasaan tidak puas hati dari anggota.

Pengerusi memaklumkan bahawa ianya adalah tidak dibenarkan. Kemungkinan, terdapat salah faham berkenaan isu ini dan maklumat diperolehi dari kakitangan baru. Diharap sistem ikoop yang sedang dilaksanakan dapat membantu permasalahan ini. Semua ketua unit akan memastikan isu ini tidak berulang lagi.

## PENUTUP

Sebelum mengakhiri mesyuarat, pengerusi mengucapkan ribuan terima kasih dan penghargaan kepada :

**EN. MOHD FADZLI MAT LAHIM**, Timbalan Pengarah SKM WP Wilayah Persekutuan (WP)

**DATUK AHMAD ZAINI KAMARUZZAMAN**, Yang Dipertua KNSTP;

**PN. NORLIZAWATI DAUD**, Penolong Pengarah Kanan Nasional D, SKM WP;

dan

**A.RAZAK & CO**, Juruaudit Luar Koperasi di atas jasa baik dan nasihat yang diberikan.

**PENGURUSAN KOPERASI NEW STRAITS TIMES PRESS (MALAYSIA) BERHAD;**

**KUMPULAN MEDIA PRIMA BERHAD;**

**SUNLIFE MALAYSIA ASSURANCE BERHAD;**

**ALLIANZ GENERAL INSURANCE COMPANY BERHAD;**

**MALAY MAIL SDN BHD** dan

**MEDIA TRAVEL & HOLIDAYS SDN BHD**

yang telah memberi sokongan, bantuan dan kerjasama yang berterusan.

**ANGGOTA;**

**ANGGOTA LEMBAGA;**

**AHLI JAWATANKUASA AUDIT DALAM;**

**PERWAKILAN** dan

KAKITANGAN KOPERASI

serta orang perseorangan yang terlibat dalam menjayakan mesyuarat ini.

Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke-56 ditangguhkan pada jam 1:00 tengahari.

## DISEDIAKAN OLEH :

**RODZIAH JAMA'AH**

Pencatat Minit

Mesyuarat Agung Perwakilan Ke-56

**NOORHAZIFAH MOHD AMINOR**

Pencatat Minit

Mesyuarat Agung Perwakilan Ke-56








## DISEDIAKAN OLEH :

**ABDUL RAHIM LIN**

Setiausaha

Mesyuarat Agung Perwakilan Ke-56

Minit Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke-56, yang diadakan pada hari Ahad, 23 Jun 2024 bermula jam 9.30 pagi di Bilik Lagenda 5 & 6, Ideas Kuala Lumpur Hotel, Jalan Raja Laut, Chow Kit, 50350 Kuala Lumpur, telah disemak dan ditentusahkan betul oleh Jawatankuasa Menentusah Minit di mesyuarat yang diadakan pada Selasa, 9 Julai 2024 jam 12:30 tengah hari bertempat di Bilik Mesyuarat Koperasi NSTP (M) Berhad, Tingkat 1, 31, Jalan Riong, 59100 Kuala Lumpur.










BIL	NAMA	JAWATAN	NO. ANGGOTA	TANDATANGAN
1.	Mohd Fadzil Abdul Ghani	Pengerusi	6456	
2.	Fazleesham Mohd Yunus	Bendahari	4270	
3.	Baharuddin Ishak	Pen. Setiausaha	6514	
4.	Ahmad Shukran Mohamed Salleh	Pen. Bendahari	5222	
5.	Dauza Umat	Perwakilan	4886	
6.	Nor Azmi Ali	Perwakilan	6077	
7.	Mohamed Zulkifli Sulaiman	Perwakilan	9839	
8.	Norsyalwana Zakaria	Perwakilan	10621	
9.	Mohd Rizan Akmar Taharuddin	Perwakilan	10117	
10.	Abdullah Azizi Abdul Rahman	Perwakilan	6361	


**SENARAI KEHADIRAN  
MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KE-56  
KOPERASI NEW STRAITS TIME PRESS (MALAYSIA) BERHAD**

**TEMPAT : BILIK LAGENDA 5&6, IDEAS KUALA LUMPUR HOTEL, JALAN RAJA LAUT,  
CHOW KIT, 50350 KUALA LUMPUR**

**TARIKH : AHAD, 23 JUN 2024**

**MASA : 9.30 PAGI**

BIL	NAMA	NO ANGGOTA	TANDATANGAN
	<b>ANGGOTA LEMBAGA</b>		
1	Mohd Fadzil Bin Abdul Ghani	6456	
2	Abdul Rahim Bin Lin	5261	
3	Fazleesham Bin Mohd Yunus	4270	
4	Baharuddin Bin Ishak	6514	
5	Ahmad Shukran Bin Mohamed Salleh	5222	
6	Khairuzzaman Bin Hj Mohammad	4915	
7	Salehudin Shah Bin Shabudin	4488	
8	Mohamad Wafi Bin Mohamad Arof	8485	
9	Khairi Bin Abdul Khalid	8212	 23/6/2024
10	Ahmad Nizam Bin Eusof	5660	
11	Kamarulzaman Bin Mohd Salleh	8771	
12	Mohd Hidzir Bin Md Ismail	4995	
	<b>JAWATANKUASA AUDIT DALAM</b>		
13	Mohd Hafiz Bin Mohamad Ghazali	8424	
14	Hj Shukor Bin Hj. Othman	2502	
15	Mohd Rizan Akmar Bin Taharuddin	10117	
16	Mohd Rizal Bin Shaari	8772	
17	Nor Azmi Bin Ali	6077	
	<b>PERWAKILAN</b>		
18	Abdullah Azizi Bin Abdul Rahman	6361	
19	Dauza Bin Umat	4886	
20	Essmady Bin Ishak	5973	
21	Mohamed Zulkfifli Bin Sulaiman	9839	
22	Mohd Haris Bin Ainal Jamal	9133	
23	Mohd Redzuan Bin Ab Rahman	5234	

	NAMA	NO ANGGOTA	TANDATANGAN
24	Norsyalwana Binti Zakaria	10621	
25	Muhamad Hanafiah Bin Mohd Razali	7088	
26	Muhammad Asyadi B Omar	7692	
27	Roslam Bin Baharuddin	1979	
28	Salina Binti Abdul Rahim	10390	
	<b>TURUT HADIR</b>		
29	Datuk Ahmad Zaini Kamaruzzaman, Yang Dipertua Koperasi NSTP (M) Berhad		
	<b>SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA WILAYAH PERSEKUTUAN</b>		
30	Mohd Fadzil Bin Mat Lahim, Timbalan Pengarah SKM Wilayah Persekutuan		
31	Norlizawati Binti Daud, Penolong Pengarah Nasional D SKM Wilayah Persekutuan		
	<b>JURUAUDIT LUAR</b>		
32	Azninor Binti Buyong, A Razak & Co.		
33	Fathiyah Binti Selamat, A Razak & Co.		
	<b>KAKITANGAN</b>		
34	Rodziah Binti Jama'ah	6768	
35	Ridzwan Bin Ahmad	6826	
36	Amir Bin Mat Kupli @ Kupli	6827	
37	Noorhazifah Binti Mohd Aminoor	10179	
38	Ainin Sofea Binti Abdul Basid	9849	
39	Ismadi Bin Ismail	9919	
40	Abdul Syahid Bin Abd Mutalib	10440	
41	Siti Saleha Binti Mohamad	10514	
42	Azlina Binti Ibrahim	6656	

# LAPORAN LEMBAGA BAGI TAHUN 2024

Assalamualaikum dan salam sejahtera kepada semua anggota. Bagi pihak Anggota Lembaga, saya dengan sukacitanya, membentangkan Laporan Tahunan dan Kewangan Koperasi Media Prima Berhad (dahulu dikenali Koperasi New Straits Times Press (Malaysia) Berhad) bagi tahun berakhir 31 Disember 2024.

## UCAPAN PENGHARGAAN

Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada En Rafiq Razali, Pengarah Urusan Kumpulan Media Prima Berhad dan En Rosli Sabarudin, Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan Media Prima Berhad selaku Yang Dipertua Koperasi Media Prima Berhad (KOPMEDIA) atas sokongan yang diberikan kepada koperasi. Penghargaan yang serupa juga ingin saya rakamkan kepada Tn. Hj. Fadilah bin Salim, Pengarah Suruhanjaya Koperasi Malaysia Cawangan Wilayah Persekutuan serta Pn. Norlizawati Daud, Penolong Pengarah Nasional D, Suruhanjaya Koperasi Malaysia Wilayah Persekutuan dan pihak pengurusan Kumpulan Media Prima Berhad, Sunlife Malaysia Assurance Berhad, Allianz General Insurance Company Malaysia Berhad, Malay Mail Sdn Bhd dan Media Travel & Holidays Sdn Bhd yang telah banyak memberi dorongan kepada KOPMEDIA sehingga dapat bergerak dengan teratur dan sempurna serta mendapat keyakinan semua pihak.

## PENGURUSAN KOPERASI MEDIA PRIMA BERHAD (KOPMEDIA)

Pengurusan KOPMEDIA terdiri daripada dua belas (12) anggota lembaga dan lapan belas (18) kakitangan. KOPMEDIA menjalankan aktiviti iaitu pembiayaan kepada anggota, skim perlindungan diri dan keluarga, kedai runcit, pajak gadai Islam (Ar-Rahnu X'Change), sewaan kedai pejabat, penghantaran pos laju dan kursus serta pengurusan acara.

Kakitangan KOPMEDIA terbahagi kepada empat (4) unit utama iaitu :

- a) Unit Pentadbiran (Modal Insan, Penggajian, Pentadbiran, IT & Sistem Sokongan);
- b) Unit Kewangan (Pembayaran, Pembiayaan Berjangka, Pelaburan, Kutipan (Aktif), Terimaan, Kutipan (Siber hutang) & Litigasi);
- c) Unit Operasi (Komersial & ArRahnu)
  - Komersial : Pembiayaan, Skim Perlindungan, Coopmart, Bisnes atas talian, Pos Laju, Buku Simpanan Emas, KOPMEDIA Gold, Bisnes Baru, Pengurusan Risiko & Pemasaran Produk;
  - Ar-Rahnu : Operasi Ar-Rahnu Dataran Mentari & Bandar Seri Putra, Strategi Pemasaran & Komunikasi dengan Francisor;
- d) Unit Hartanah & Perhubungan Awam (Pengurusan Bangunan, Keanggotaan, Kebajikan, Komunikasi & Pengurusan Acara).

Bagi tujuan melancarkan operasi, memastikan prestasi koperasi meningkat dari masa ke semasa disamping mematuhi Akta Koperasi 1993 dan Peraturan, pengurusan KOPMEDIA terbahagi kepada enam (6) Jawatankuasa Kecil seperti berikut :

- a) Jawatankuasa Kewangan, Pentadbiran, Pengurusan Hartanah & Modal Insan;
- b) Jawatankuasa Pembiayaan, Skim Perlindungan & Pelancongan;
- c) Jawatankuasa Kutipan, Litigasi & Pengurusan Risiko;
- d) Jawatankuasa Komersial, Bisnes & Coopmart;
- e) Jawatankuasa Ar-Rahnu;
- f) Jawatankuasa Keanggotaan, Kebajikan, Komunikasi & Pengurusan Acara.

Laporan Jawatankuasa Kecil adalah seperti di muka surat berikutnya.

## PRESTASI KEWANGAN TAHUN 2024 & PEMBAHAGIAN BERKANUN

Sila rujuk Penyata Kewangan Berakhir 31 Disember 2024.

**KEHADIRAN MESYUARAT ANGGOTA LEMBAGA KOPMEDIA**

(Januari 2024 sehingga Disember 2024)

Bagi tahun 2024, anggota lembaga telah bermesyuarat sebanyak 16 kali. Mesyuarat diadakan secara bersemuka dan atas talian. Kehadiran mesyuarat setiap anggota lembaga adalah seperti berikut :

Nama	Jumlah Mesyuarat	Hadir	Tidak Hadir	Peratus Kehadiran
Mohd Fadzil Abdul Ghani	16	16	-	100%
Abdul Rahim Llin	16	16	-	100%
Fazleesham Mohd Yunus	16	16	-	100%
Baharuddin Ishak	16	14	2	87%
Ahmad Shukran Mohamed Salleh	16	16	-	100%
Khairuzzaman Mohammad	16	12	4	75%
Salehudin Shah Shabudin	16	16	-	100%
Mohamad Wafi Mohamad Arof	16	15	1	94%
Khairi Abd Khalid	16	15	1	94%
Ahmad Nizam Eusof	16	12	4	75%
Kamarulzaman Salleh	16	15	1	94%
Mohd Hidzir Md Ismail	16	15	1	94%

**KEHADIRAN MESYUARAT AHLI JAWATANKUASA KECIL KOPERASI**

(Januari 2024 sehingga Disember 2024)

Setiap anggota lembaga akan menganggotai dua Jawatankuasa Kecil. Bagi tujuan membincangkan aktiviti, isu semasa dan perkara-perkara berkaitan dengan fungsi jawatankuasa masing-masing, Mesyuarat Ahli Jawatankuasa Kecil akan diadakan sekurang-kurangnya sekali dalam sebulan. Mesyuarat diadakan secara bersemuka dan atas talian. Kehadiran ahli jawatankuasa kecil adalah seperti berikut:

Nama	Jumlah Mesyuarat	Hadir	Tidak Hadir	Peratus Kehadiran
Mohd Fadzil Abdul Ghani	24	24	-	100%
Abdul Rahim Llin	24	24	-	100%
Fazleesham Mohd Yunus	24	24	-	100%
Baharuddin Ishak	24	23	1	96%
Ahmad Shukran Mohamed Salleh	24	24	-	100%
Khairuzzaman Mohammad	24	24	-	100%
Salehudin Shah Shabudin	24	23	1	96%
Mohamad Wafi Mohamad Arof	24	22	2	92%
Khairi Abd Khalid	24	24	-	100%
Ahmad Nizam Eusof	24	21	3	87%
Kamarulzaman Salleh	24	24	-	100%
Mohd Hidzir Md Ismail	24	24	-	100%

Atas kehadiran dan tanggungjawab setiap Anggota Lembaga, Ahli Jawatankuasa Kecil dan Jawatankuasa Audit Dalaman yang dilantik, koperasi telah memberikan elaun sepertimana yang diperuntukkan di bawah Skim Perkhidmatan Anggota Lembaga & Jawatankuasa Audit Dalam Bab 7 : Elaun. Sila rujuk Nota-nota Kepada Penyata Kewangan Pada 31 Disember 2024.

## PENUTUP

Alhamdulillah, keuntungan bersih KOPMEDIA meningkat pada tahun 2024 berbanding tahun 2023. Dengan peningkatan ini, diharap anggota sedia ada akan mengekalkan keanggotaan di koperasi. Pengurusan KOPMEDIA akan berusaha dengan lebih gigih untuk meningkatkan prestasi kewangan dan perkhidmatan kepada anggota.

Pelan Strategik bagi tahun 2024 – 2030 (PS30) yang telah dirangka akan sentiasa dikemaskini bagi memastikan KOPMEDIA berada di landasan yang betul seterusnya mencapai matlamat dan seiring dengan visi KOPMEDIA iaitu menjadi 50 Koperasi Terbaik pada tahun 2030.

Empat teras utama aitu Pengukuhan Identiti Koperasi, Kelestarian Kewangan & Perniagaan, Kecemerlangan Pengurusan dan Kapasiti Organisasi akan menjadi fokus utama bagi merealisasikan visi tersebut.

Setiap Anggota Lembaga & Pengurusan Kanan KOPMEDIA akan melaksanakan pelan tindakan masing-masing yang telah ditetapkan supaya ianya dapat dicapai mengikut tempoh yang ditetapkan.

Saya yakin dengan sokongan dari semua anggota terutama perwakilan, KOPMEDIA akan dapat mencapai matlamat ini.

Akhir kata, saya sekali lagi ingin menyampaikan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada anggota Koperasi, Pengarah Suruhanjaya Koperasi Malaysia Wilayah Persekutuan, Jawatankuasa Audit Dalam, Juruaudit Luar, Wakil-wakil Koperasi, pihak pengurusan dan kakitangan koperasi yang telah memberi kerjasama, bimbingan dan sokongan kepada Koperasi sepanjang tahun 2024.

Sekian, terima kasih.

### **“MAJU KOPERASI ANGGOTA BAHAGIA”**

Bagi pihak,  
KOPERASI MEDIA PRIMA BERHAD



**MOHD FADZIL ABDUL GHANI**  
**Pengerusi**

# LAPORAN JAWATANKUASA KECIL KEWANGAN, PENTADBIRAN, PENGURUSAN HARTANAH & MODAL INSAN BAGI TAHUN 2024

## AHLI JAWATANKUASA

Pengerusi	:	Fazleesham Mohd Yunus
Ahli	:	Khairuzzaman Mohamed
	:	Kamarulzaman Salleh
	:	Mohd Hidzir Md Ismail
	:	Azlina Ibrahim
	:	Noorhazifah Mohd Aminoar
	:	Ridzwan Ahmad

## OBJEKTIF

1. Memastikan modal pusingan mencukupi bagi tujuan aktiviti perniagaan koperasi.
2. Memelihara kedudukan KOPMEDIA supaya sentiasa meningkat dari masa ke semasa.
3. Mengurangkan perbelanjaan dan meningkatkan pendapatan untuk memastikan dividen yang diberikan kepada anggota adalah peratusan yang terbaik.
4. Pengurusan hartaanah secara efektif.
5. Sentiasa memberi sokongan pendidikan kepada anggota dan kakitangan bagi melahirkan individu yang berpengetahuan serta berkebolehan dalam melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan.
6. Memaksimumkan sumber KOPMEDIA samada sumber manusia maupun kemudahan yang ada.
7. Memastikan setiap prosedur kerja dijalankan mengikut garis panduan yang telah ditetapkan dan dipatuhi oleh semua pihak yang terlibat.

## LAPORAN BAGI TAHUN 2024

### 1) KEWANGAN

Rujuk Penyata Kewangan bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2024.

## 2) PENTADBIRAN

### BELIAN ASET

Dalam usaha melancarkan proses kerja dan meningkatkan perkhidmatan, KOPMEDIA telah membeli aset tetap seperti berikut:

BIL	TARIKH BELI	BUTIRAN ASET	JUMLAH (RM)
Peralatan, Perabot dan Kelengkapan			
1.	21/03/2024	HP 24 Inc AIO Desktop PC (4 Unit)	11,116
2.	05/04/2024	Hot Drink Vending Machine	11,690
3.	21/06/2024	Rak Gantung 7 tingkat – ARX BSP	2,240
4.	27/06/2024	UPS Server – ARX BSP	5,250
5.	05/08/2024	Ubahsuai – Rumah kediaman Amansiara	7,136
6.	19/11/2024	Ehub Dynamond	4,500
7.	28/11/2024	Peti besi Polaris Digital Clock (Jalan Riong)	2,300
8.	05/12/2024	Ubahsuai – Coopmart, Tingkat 6	29,040
Rumah Kediaman			
9.	24/04/2024	Rumah Townhouse Taman Amansiara Rawang	306,000
		<b>JUMLAH</b>	<b>379,272</b>

## 3) PENGURUSAN HARTANAH (SEWAAN)

### a) Kondominium Servis Residensi Nadi Bangsar

Alamat: Lot 28-5 Nadi Bangsar Residensi, Jalan Tanduk 59100 Kuala Lumpur  
Penyewa : Dr. Sharifah Suraya binti Wan Abdul Rahman

### b) Kedai Pejabat 2 tingkat Saville Kajang, Kajang

Alamat: Lot G-10, Saville Kajang, Jalan Reko, 43000 Kajang, Selangor  
Penyewa : Caj Empire Sdn Bhd (berkongsi dengan stor KOPMEDIA)  
Alamat: Lot 01-10 Saville Kajang, Jalan Reko, 43000 Kajang, Selangor  
Penyewa : ZS Cahaya Sdn Bhd

### c) Kondominium Sri Tijanni, Sungai Buloh

Alamat: Lot 12-09, Kondominium Sri Tijanni, Bukit Rahman Putra, 47000 Sungai Buloh, Selangor  
Penyewa : Aliya Shafiqah binti Hashim (15 April 2024 - 14 Ogos 2024) /  
Mohd Kamarul Azmi bin Mohd Nordin (15 November 2024 – 14 Jun 2025)

### d) Kedai Pejabat 3 Tingkat Bandar Seri Putra

Alamat: No 26 Jalan Seri Putra ½ Bandar Seri Putra, 43000 Bangi, Selangor  
Tingkat bawah : Perniagaan Ar-Rahnu X'Change KOPMEDIA  
Penyewa tingkat 1 : Binaan Sri Jaya Sdn Bhd & Ocean Blue Sdn Bhd (berkongsi)  
Penyewa tingkat 2 : Rastas Gamers Enterprise.

### e) Kedai Pejabat Arena Mentari, Sunway

Alamat: A-G-1 Blok A, Arena Mentari, Jalan PJS 8/15, Dataran Mentari, 46810 Petaling Jaya, Selangor  
Perniagaan Ar-Rahnu X'Change KOPMEDIA

**f) Rumah Townhouse Taman Amansiara Rawang**

Alamat: 45-1 Jalan Amansiara 2/3, Taman Amansiara 68100 Batu Caves Selangor  
Penyewa : Tiada

**g) Lot Pejabat Mutiara Bangsar**

Alamat: 8-16-4 Mutiara Bangsar Jalan Liku Off Jalan Bangsar 59100 Kuala Lumpur  
Ibu-pejabat Koperasi Media Prima Berhad

**4) MODAL INSAN****KAKITANGAN**

Tiga kakitangan baru dilantik pada tahun 2024 dan tempoh percubaan adalah selama 3 bulan.  
Butiran adalah seperti berikut :

Kaunter Khidmat pelanggan – Jalan Riong

- a) Muhammad Nabil Adha Bin Md Rozy – 06 Mac 2024
- b) Nur Dini Izzati Bin Md Rozy – 04 November 2024

Ar-Rahnu X'Change Dataran Mentari

- a) Mohamad Aiman Bin Roselee – 02 Januari 2024

Dua kakitangan berhenti pada tahun 2024 adalah seperti berikut :

- a) Muhammad Faiz Bin Mohd Zaini – 16 Februari 2024 (mendapat pekerjaan di syarikat lain)
- b) Muhammad Nabil Adha Bin Md Rozy – 28 Ogos 2024 (Ditamatkan tempoh percubaan)

KOPMEDIA juga memberi peluang kepada pelajar untuk menjalankan latihan industri iaitu :-

- a) Hazriq Mikail Bin Yaniaizit – 31 Julai 2024 - 16 September 2024  
Universiti Malaysia Kelantan (UMK)

**SKIM PERKHIDMATAN KAKITANGAN**

Pada tahun 2024, JKK telah membuat pindaan dan penambahbaikan dalam Skim Perkhidmatan Kakitangan bagi memastikan keperluan dan kebijakan kakitangan terpelihara antaranya:

1. Elaun Menanggung Tugas
2. Elaun Perjalanan
3. Elaun Sarahidup
4. Elaun Kedatangan Mesyuarat dan Kursus
5. Cuti Ehsan
6. Cuti Paterniti

**SEMINAR DAN PELAJARAN**

Bagi tujuan memantapkan lagi ilmu dalam mengembangkan perniagaan, setiap tahun, KOPMEDIA akan menghantar Anggota Lembaga (ALK) Ahli Jawatankuasa Audit Dalam (JKAD) dan kakitangan menjalani kursus yang berkaitan bagi melahirkan individu yang berpengetahuan serta berkebolehan dalam melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan.

Kursus dan seminar yang diikuti oleh ALK, JKAD kakitangan KOPMEDIA sepanjang tahun 2024. Sila lihat Lampiran A.

## PENUTUP

ALHAMDULILLAH, di tengah-tengah persekitaran perniagaan yang mencabar, KOPMEDIA berjaya mencatatkan prestasi kewangan yang memberangsangkan dengan merekodkan keuntungan bagi Tahun Kewangan Berakhir 2024, berbanding tahun sebelumnya.

Kejayaan ini tidak mungkin tercapai tanpa komitmen padu, kerjasama erat, serta sokongan berterusan daripada semua pihak, termasuk pengurusan atasan, kakitangan, ALK, JKAD, perwakilan, dan seluruh Anggota KOPMEDIA. Melalui pelaksanaan pelan strategik yang telah digariskan, kami yakin KOPMEDIA akan terus memperkuuh kedudukannya sebagai organisasi yang kompetitif dan berdaya tahan pada masa hadapan. Insya-Allah.

Sekian.

### **“MAJU KOPERASI ANGGOTA BAHAGIA”**

Bagi pihak,  
Koperasi Media Prima Berhad



**Fazleesham Bin Mohd Yunus**  
**Pengerusi**  
Jawatankuasa Kecil Kewangan, Pentadbiran, Pengurusan Hartanah & Modal Insan

# LAPORAN JAWATANKUASA KECIL PEMBIAYAAN, SKIM PERLINDUNGAN & PELANCONGAN BAGI TAHUN 2024

## AHLI JAWATANKUASA

Pengerusi	:	Ahmad Shukran Haji Mohamed Salleh
Ahli	:	Mohd Fadzil Abdul Ghani
	:	Khairi Abdul Khalid
	:	Mohamad Wafi Mohammad Aroff
	:	Amir Mat Kupli
	:	Nor Amiza Azizi

## OBJEKTIF

- Memberi perkhidmatan terbaik untuk membantu anggota mengurangkan beban ekonomi yang semakin meningkat.
- Menawarkan perkhidmatan yang terbaik kepada anggota dengan mewujudkan pelbagai jenis pembiayaan dan penjualan produk-produk dari luar mahupun anggota koperasi.
- Memberi perkhidmatan, perlindungan & pembiayaan secara setempat (“one stop centre”).

Oleh itu, jkk akan sentiasa :

- Memastikan skim pembiayaan mengikut aturan yang telah ditetapkan.
- Merancang jenis pembiayaan dan perniagaan baru untuk anggota.
- Memastikan perkhidmatan kepada anggota diutamakan.
- Memastikan anggota mendapat perlindungan insuran yang terbaik

## LAPORAN BAGI TAHUN 2024

### 1) PEMBIAYAAN

Laporan pembiayaan diberi dan dibayar balik adalah seperti dalam Penyata Kewangan 31 Disember 2024.

- Secara keseluruhan, walaupun pendapatan dari pembiayaan kepada anggota menurun, namun, terdapat peningkatan pendapatan dari Skim Pembiayaan Jangka Pendek terutama Skim Pembiayaan Kecemasan dan Tunai Segera.
- Skim pembiayaan Jangka Panjang seperti Skim Pembiayaan 70% atas Caruman dan Skim Pembiayaan Pengguna masih ditawarkan kepada anggota.
- KOPMEDIA juga terus membantu anggota yang mempunyai potongan tinggi dengan terus menawarkan Skim Pembiayaan Sara Hidup sebanyak RM1,000.

### 2) KHIDMAT PELANGGAN

- KOPMEDIA sentiasa memberi perkhidmatan terbaik kepada anggotanya dengan membuka kaunter di Coop Mart dan Sri Pentas serta menerusi media sosial.
- Selain menghantar permohonan pembiayaan secara fizikal di kaunter, kebanyakan anggota selesa dengan membuat permohonan secara atas talian iaitu menerusi whatsapp dan email.
- Pemberitahuan perkhidmatan sentiasa disampaikan menerusi whatsapp, email dan media-sosial KOPMEDIA.
- Inisiatif mempromosikan perkhidmatan insurans dan cukai jalan diteruskan dimana cukai jalan boleh didapati di aplikasi JPJ. Anggota tidak perlu hadir ke KOPMEDIA untuk mengambilnya.

- e) KOPMEDIA telah mengadakan promosi rebat 5% kepada anggota yang memperbaharui skim perlindungan kenderaan secara tunai. Program ini dapat meningkatkan penyertaan pembaharuan insurans dan cukai jalan.
- f) KOPMEDIA telah mendapat kerjasama dari pihak syarikat Media Prima Berhad dalam urusan perkhidmatan pembaharuan skim perlindungan kenderaan syarikat sebanyak 94 buah kereta.

### **3) SKIM PERLINDUNGAN TAKAFUL IDAMAN DARI TAKAFUL IKHLAS SDN BHD DAN PERANCANGAN PUSAKA, HIBAH DAN WASIAT DARI WASSIYAH SHOPPE**

Bagi mempromosikan kepada anggota kedua-dua skim diatas, KOPMEDIA telah membuka kaunter promosi di Coop Mart dan Sri Pentas serta menerusi media sosial. Tujuan promosi adalah untuk menambah baik kesedaran dan kefahaman anggota mengenai manfaat skim perlindungan hayat.

### **PELAN STRATEGIK SKIM PEMBIAYAAN DAN PERLINDUNGAN DIRI & KELUARGA**

Pelan Strategik bagi Skim Pembiayaan dan Perlindungan Diri & Keluarga merupakan komitmen pengurusan KOPMEDIA dalam usaha menyediakan perkhidmatan kepada anggota yang lebih cekap. Ia bukan sahaja menyokong kelangsungan koperasi secara kewangan, tetapi juga memastikan kebajikan anggota terus terbelia melalui kemudahan pembiayaan dan skim perlindungan yang menyeluruh. Pelaksanaan pelan ini akan dipantau secara berkala bagi memastikan pencapaian sasaran dan pelarasan strategik mengikut pelan tindakan yang telah dirancang.

### **PENUTUP**

JKK akan sentiasa berbincang bagi tujuan meningkatkan pendapatan dari aktiviti pembiayaan serta menambahbaik mutu perkhidmatan terutama urusan dikaunter dan komunikasi dengan anggota. Promosi berterusan akan dilaksanakan agar anggota memperolehi perkhidmatan yang terbaik. Dengan cara ini, anggota menjadi lebih peka dengan aktiviti Kopmedia dan seterusnya KOPMEDIA dapat menjana lebih keuntungan serta memberi lebih manfaat kepada anggota.

Sekian, terima kasih.

**“MAJU KOPERASI ANGGOTA BAHAGIA”**

Bagi pihak,  
Koperasi Media Prima Berhad



**Ahmad Shukran Haji Mohamed Salleh**  
**Pengerusi**  
Jawatankuasa Kecil Pembiayaan, Skim Perlindungan & Pelancongan

# LAPORAN JAWATANKUASA KECIL KUTIPAN, LITIGASI & PENGURUSAN RISIKO BAGI TAHUN 2024

## AHLI JAWATANKUASA

Pengerusi	:	Abdul Rahim Llin
Ahli	:	Baharuddin Ishak
	:	Mohd Hidzir Md Ismail
	:	Ahmad Nizam B Eusof
	:	Noorhazifah Mohd Aminoor
	:	Nur Khairul Azree Hanim Mohd Rasidi

## PENGENALAN

JKK Kutipan, Litigasi dan Pengurusan Risiko ditubuhkan bertujuan untuk memperolehi semula kutipan atas tunggakan baki pembiayaan dari siberutang (peminjam yang berhenti syarikat dan meninggalkan baki pembiayaan).

## OBJEKTIF

1. Melaksanakan pengurusan kutipan bayaran balik baki pembiayaan dan berusaha meningkatkan kutipan setiap bulan serta mengurangkan baki tunggakan pembiayaan.
2. Mengeluarkan notis secara konsisten dan berperingkat.
3. Melaksanakan strategi kutipan yang sesuai termasuk tindakan undang-undang.

## LAPORAN BAGI TAHUN 2024

### 1) KUTIPAN

#### PRESTASI

Perbandingan Kutipan bagi tahun 2023 & 2024 :

a) Secara keseluruhan, walaupun pendapatan dari pembiayaan kepada anggota menurun, namun, terdapat peningkatan

BULAN	2023	2024
JANUARI	9,260.00	18,475.43
FEBRUARI	7,166.00	15,034.13
MAC	9,751.00	7,983.41
APRIL	8,419.00	55,245.64
MEI	7,607.80	7,710.00
JUN	19,377.68	20,648.45
JULAI	35,187.17	15,875.46
OGOS	7,172.00	26,156.47
SEPTEMBER	7,480.00	9,061.00
OKTOBER	5,980.00	20,300.45
NOVEMBER	25,427.21	7,090.00
DISEMBER	9,659.22	10,353.74
<b>JUMLAH</b>	<b>152,487.08</b>	<b>213,934.18</b>

Perbezaan kenaikan sebanyak RM 61,447.10 kerana pada tahun 2024, ramai peminjam menyelesaikan pembiayaan sepenuhnya berbanding tahun 2023. Amaun yang diterima kebanyakannya adalah secara ansuran bulanan dan penyelesaian penuh.

## STRATEGI MENGURANGKAN BAKI PEMBIAYAAN SIBERHUTANG

- a) Memberi penerangan kepada siberhutang tentang kelebihan penyelesaian awal dimana ianya lebih menjimatkan berbanding membayar ansuran setiap bulan.
- b) Tindakan potongan gaji penjamin kepada penjamin-penjamin yang masih bekerja di syarikat.
- c) Senarai hitam nama siberhutang menerusi CTOS bagi memastikan bayaran dibuat oleh penghutang setiap bulan.
- d) Melantik peguam Tetuan Dhiyaulhaq & Ariff Amirul Co. bagi tujuan melaksanakan tindakan undang-undang ke tribunal dengan lebih berkesan.
- e) Meneruskan kerjasama dengan agen pengutip hutang sedia adadan menambah agen pengutip hutang.
- f) Penjamin menyelesaikan bahagian tanggungan sebagai penjamin menerusi caruman di KOPMEDIA.
- g) Menawarkan diskaun atas penyelesaian baki pembiayaan kepada siberhutang yang dikenalpasti.
- h) Membuat lawatan ke rumah siberhutang yang gagal dihubungi.
- i) Menggunakan khidmat TPS ("Third Party Searching") bertujuan untuk memperoleh data atau maklumat terkini siberhutang.

## 2) LITIGASI

Tindakan yang telah dilaksanakan termasuk perundangan pada tahun 2024 adalah seperti berikut :

JENIS TINDAKAN	BILANGAN ANGGOTA
Menerima Award / Daftar Award di Mahkamah	2
Selesai Bayaran	14
Senarai Hitam (Ctos)	3
Senarai Hitam (Experian)	3
Potongan Gaji Penjamin	8

Tindakan undang-undang rendah kerana pihak Lawyer Nik Saghir & Ismail tidak memberi kerjasama yang baik dan tindakan undang-undang terpaksa dihentikan sementara.

## 3) PENGURUSAN RISIKO

### FUNGSI

Pengurusan Risiko merupakan satu fungsi bebas yang bertanggungjawab bagi mengenalpasti, menilai, memantau dan melaporkan risiko yang timbul daripada operasi koperasi termasuk dari aktiviti utama.

### KAWALAN PENGURUSAN RISIKO

- a) Permohonan Skim Pembiayaan Jangka Panjang masih dibekukan kecuali Skim Pembiayaan 70% caruman & Skim Pembiayaan Pengguna.
- b) Cadangan pembukaan perniagaan dobi memerlukan kajian seperti kawasan, kos serta persaingan dengan dobi-dobi lain untuk mengelakkan berlaku penurunan jualan secara mendadak.
- c) Skim pembiayaan barang kemas berkonsep Al-Qardul Hassan iaitu maksimum pembiayaan RM 3,000 dan pembiayaan adalah selama 12 bulan. Tujuan untuk mengelakkan anggota tidak membuat bayaran jika tempoh terlalu lama dan pembiayaan terlalu tinggi.

## PENUTUP

Alhamdulillah, JKK Kutipan, Litigasi dan Pengurusan Risiko akan mempergiatkan langkah-langkah dan cara serta melaksanakannya untuk mempertingkatkan jumlah kutipan dari tahun ke tahun dan memastikan tiada lagi risiko dalam apa jua bentuk urusan kelak. Semoga **KOPMEDIA** dapat mencapai sasaran dalam **PS30**.

Sekian, terima kasih.

**“MAJU KOPERASI ANGGOTA BAHAGIA”**

Bagi pihak,  
Koperasi Media Prima Berhad



**ABDUL RAHIM LLIN**  
**Pengerusi**  
Jawatankuasa Kecil Kutipan, Litigasi dan Pengurusan Risiko

# LAPORAN JAWATANKUASA KECIL KOMERSIAL, BISNES & COOPMART BAGI TAHUN 2024

## AHLI JAWATANKUASA

Pengerusi	:	Baharuddin Ishak
Ahli	:	Ahmad Shukran Mohamed Salleh
	:	Ahmad Nizam Eusof
	:	Salehuddin Shah Shabudin
	:	Amir Mat Kupli@Kupli
	:	Abdul Syahid Abdul Mutualib

## OBJEKTIF

1. Kenalpasti projek dan perniagaan baharu yang berpotensi (berkualiti & berdaya saing untuk jangka panjang)
2. Menambahbaik aktiviti perniagaan sedia ada dengan lebih berkesan dan sistematik
3. Mengemas kini maklumat pembekal serta menilai semula margin keuntungan secara berkala

## LAPORAN BAGI TAHUN 2024

### 1) PENGIKLANAN

Tajaan iklan dari pembekal dan rakan niaga di dalam Buku Laporan Tahunan.

### 2) COOP MART

Pendapatan menurun disebabkan penutupan Saville Kajang untuk perniagaan Pos Laju dan penutupan kedai disebabkan ubahsuai dilokasi baru di Tingkat 6. Walaubagaimanapun, kepelbagaiannya produk yang dijual, jualan daging sempena Aidilfitri, pembekalan untuk program Ar-Rahnu serta program Infaq serta pengstrukturkan kembali margin keuntungan bagi setiap produk membantu pendapatan Coopmart.

Langkah strategik yang dilaksanakan pada tahun 2024 adalah

- a) Penyusunan semula kedudukan rak untuk menarik minat pelanggan
- b) Pengenalan setem pengumpulan mata ganjaran kepada anggota
- c) Kerani Jualan Coop Mart dihantar Kursus Eksekutif Peruncitan anjuran IKMA bagi meningkatkan pengetahuan tentang pengurusan kedai runcit
- d) Penilaian semula margin keuntungan oleh setiap pembekal
- e) Pemantauan berkala terhadap produk yang mempunyai permintaan tinggi
- f) Pemindahan operasi CoopMart ke lokasi baru di Tingkat 6, bermula November 2024.

### 3) PERKHIDMATAN POS LAJU

Perkhidmatan Pos Laju diteruskan. Kempen galakan untuk anggota menggunakan perkhidmatan penghantaran menerusi Pos Laju dan DHL dipergiatkan.

#### **4) PERNIAGAAN BARU (KOMERSIL)**

Pada tahun 2024, KOPMEDIA telah memperkenalkan satu produk baru iaitu KOPMEDIAGOLD (bar emas 1 gram) kepada anggota dan orang ramai. Selain dari itu Buku Simpanan Emas (BSE) juga ditawarkan kepada anggota.

Perkhidmatan lain yang ditawarkan adalah sewa kenderaan dan cucian karpet kereta dan rumah.

KOPMEDIA juga mengambil inisiatif dengan membuat keputusan membeli mesin kopi bagi tujuan meningkatkan pendapatan.

#### **PELAN STRATEGIK PERNIAGAAN COOPMART DAN KOMERSIL**

Pada January 2025, KOPMEDIA telah mengadakan program Sumbang Saran dan telah mengenalpasti beberapa aktiviti yang perlu dilaksanakan bagi meningkatkan prestasi perniagaan Coop Mart dan Komersil.

Antara aktiviti yang telah dilaksanakan adalah perubahan susun atur Coopmart mengikut keperluan yang mampu menarik pelanggan, penilaian semula margin keuntungan dan perbaikan produk jualan. Bagi komersil pula, kajian dari masa ke semasa tentang bidang perniagaan francais diteruskan. Bagi perancangan jangka panjang, perniagaan baru yang dicadangkan adalah dobi dan stesen minyak.

#### **PENUTUP**

Secara keseluruhan, pada tahun 2024, KOPMEDIA sentiasa komited dalam perniagaan dan sudah pun terbukti dengan melaksanakan beberapa projek baru seperti KOPMEDIA Gold serta Buku Simpanan Emas (BSE). Langkah seterusnya adalah mencari peluang perniagaan baru bagi menjana pendapatan dan sentiasa menambah nilai perniagaan sedia ada walaupun menghadapi pelbagai cabaran seperti anggota yang semakin berkurangan, sumber dana yang terhad, kenaikan harga barang, inflasi, persaingan dan keadaan ekonomi yang makin mencabar.

Sekian, terima kasih.

#### **“MAJU KOPERASI ANGGOTA BAHAGIA”**

Bagi pihak,  
Koperasi Media Prima Berhad



**BAHARUDDIN ISHAK**

**Pengerusi**

Jawatankuasa Kecil Komersial, Bisnes & Coopmart

# LAPORAN JAWATANKUASA KECIL AR-RAHNU BAGI TAHUN 2024

## AHLI JAWATANKUASA

Pengerusi	:	Fazleesham Mohd Yunus
Ahli	:	Mohd Fadzil Abdul Ghani
	:	Salehudin Shah Shabudin
	:	Mohamad Wafi Mohamad Arof
	:	Amir Mat Kupli@Kupli
	:	Ainin Sofea Abdul Basid

## OBJEKTIF

- Berkebajikan menawarkan peluang pembiayaan Mikro Kredit kepada masyarakat setempat.
- Menjana pendapatan yang barakah serta memberi pembiayaan berlandaskan syariah

## LAPORAN BAGI TAHUN 2024

### PRESTASI AR-RAHNU X'CHANGE - DATARAN MENTARI (ARX DM)

BUTIRAN	2023 (RM )	2024 ( RM )
Nilai Marhun	14,378,276	22,547,055
Gadaian di keluarkan	11,226,320	17,563,013
Jangkaan upah simpan (6 bulan)	716,484	1,146,098
Bayaran upah simpan yang diterima	1,117,200	1,267,920
Bayaran ansuran/tebus/lanjut tempoh yang diterima	10,424,052	16,728,186

### PRESTASI AR-RAHNU X'CHANGE – BANDAR SERI PUTRA (ARX BSP)

BUTIRAN	2023 (RM )	2024 ( RM )
Nilai Marhun	12,993,149	16,810,680
Gadaian di keluarkan	10,126,801	13,241,810
Jangkaan upah simpan (6 bulan)	653,211	871,197
Bayaran upah simpan yang diterima	800,811	973,717
Bayaran ansuran/tebus/lanjut tempoh yang diterima	8,143,547	11,781,424

## PERBANDINGAN PRESTASI BAGI TAHUN 2023 & 2024

- Nilai marhun tahun 2024 meningkat sebanyak 56.82 peratus untuk ARX DM manakala ARX BSP meningkat sebanyak 29.38 peratus.
- Nilai gadaian tahun 2024 meningkat sebanyak 56.43 peratus untuk ARX DM manakala ARX BSP meningkat sebanyak 30.75 peratus.
- Trend kenaikan harga emas yang berterusan sepanjang tahun 2023 hingga 2024 telah memberi impak positif terhadap prestasi Ar-Rahnu X'Change, khususnya dalam aspek peningkatan nilai marhun serta jumlah gadaian yang dikeluarkan. Pergerakan harga emas yang kukuh ini telah meningkatkan keyakinan pelanggan untuk membuat gadaian, sekaligus menyumbang kepada pertumbuhan keseluruhan perkhidmatan Ar-Rahnu.
- Pelanggan telah menggunakan kelebihan kenaikan harga emas dengan membuat pinjaman bertindih ("Overlapping") dengan kadar margin 80% daripada pinjaman terdahulu.

- Penganjuran aktiviti seperti pemberian sumbangan Ihya' Ramadan kepada masjid, pengagihan kurma dan hamper Hari Raya kepada pelanggan, serta penganjuran Majlis Hari Raya telah dilaksanakan menggunakan peruntukan Dana Pemasaran Nasional di bawah Program Pemasaran Setempat Produk & Jenama Ar-Rahnu X'Change. Inisiatif-inisiatif ini secara langsung telah membantu dalam memperkenalkan ARX DM dan ARX BSP kepada masyarakat setempat, sekali gus memperkuuh jenama serta mengukuhkan hubungan dengan komuniti.
- Secara keseluruhan, prestasi cemerlang yang dicapai oleh kedua-dua cawangan ARX KOPMEDIA sepanjang tahun 2024 adalah hasil daripada strategi pemasaran yang berkesan, kenaikan harga emas yang konsisten, serta penglibatan aktif dalam program kemasyarakatan. Usaha berterusan dalam memperkuuh jenama dan mendekati komuniti setempat telah berjaya meningkatkan kepercayaan pelanggan serta mengekalkan pertumbuhan positif perkhidmatan Ar-Rahnu X'Change di peringkat cawangan.

## FUNGSI

Bagi tujuan meningkatkan perniagaan dan mutu perkhidmatan, JKK akan :

- Memastikan modal pusingan mencukupi dalam anggaran RM1 juta sebulan untuk kedua-dua cawangan ARX KOPMEDIA iaitu Dataran Mentari dan Bandar Seri Putra.
- Melaksanakan Program Tahunan seperti pemberian kurma sempena Ramadhan dan pemberian Hamper kepada pelanggan yang membuat gadaian RM10,000 keatas.
- Perlaksanaan kutipan kurangan lelongan secara berjadual.
- Penjualan produk "Prelove" bagi menjana pendapatan sampingan kepada ARX KOPMEDIA.
- Pemberian cenderahati kepada pelanggan setia yang kerap membuat gadaian serta kepada mereka yang menggadai melebihi RM10,000 sebagai penghargaan atas sokongan berterusan.

## PENDAPATAN & PERBELANJAAN 2023 VS 2024

Laporan Pendapatan & Perbelanjaan untuk ARX KOPMEDIA bagi tahun 2023 & 2024 adalah seperti di Laporan Kewangan 31 Disember 2024.

Kesimpulannya adalah perniagaan pajak gadai Islam Ar-Rahnu X'Change (ARX) mempunyai potensi yang besar sebagai penyumbang pendapatan utama dalam aktiviti perniagaan KOPMEDIA. Pihak pengurusan KOPMEDIA akan fokus dalam meningkatkan pengetahuan keberadaan ARX kepada anggota dan masyarakat setempat secara amnya.

## PENUTUP

Alhamdulillah, syukur ke hadrat llahi di atas kejayaan ini. Tahniah dan jutaan terima kasih kepada JKK Ar-Rahnu, barisan ALK, pengurusan, serta seluruh warga kerja Ar-Rahnu Cawangan Dataran Mentari dan Bandar Sri Putra atas kejayaan memecahkan rekod pendapatan tertinggi dalam sejarah penubuhan Ar-Rahnu KOPMEDIA. Dengan peningkatan pendapatan tahun 2024 sebanyak RM2.2 juta iaitu 16 peratus berbanding tahun 2023, KOPMEDIA bertekad untuk terus berusaha meningkatkan prestasi perniagaan ke tahap yang lebih tinggi. Semoga Ar-Rahnu KOPMEDIA terus gemilang dan mencapai penganugerahan sebagai Francais Terbaik pada masa akan datang.

Sekian, terima kasih.

**"MAJU KOPERASI ANGGOTA BAHAGIA"**

Bagi pihak,  
Koperasi Media Prima Berhad



**FAZLEESHAM MOHD YUNUS**  
**Pengerusi**  
Jawatankuasa Kecil Ar-Rahnu

# LAPORAN JAWATANKUASA KECIL KEANGGOTAAN, KEBAJIKAN, KOMUNIKASI & PENGURUSAN ACARA BAGI TAHUN 2024

## AHLI JAWATANKUASA

Pengerusi	:	Abdul Rahim Llin
Ahli	:	Khairuzzaman Mohammad
	:	Khairi Abdul Khalid
	:	Kamarulzaman Mohd Salleh
	:	Ridzwan Ahmad
	:	Ismadi Ismail

## OBJEKTIF

1. Sebagai penghubung antara KOPMEDIA dengan anggota dan rakan niaga.
2. Mengkaji dan merancang tindakan untuk mengurangkan pemberhentian anggota.
3. Menghebahkan dan mempromosi maklumat tentang KOPMEDIA kepada semua anggota.
4. Memberi pendidikan kepada anggota melalui medium bacaan.
5. Memastikan kebajikan anggota terpelihara.

## LAPORAN BAGI TAHUN 2024

### 1) KEANGGOTAAN

JKK sentiasa mempertingkatkan keanggotaan melalui strategi seperti berikut:

- a) Kaunter promosi keanggotaan setiap bulan di Sri Pentas & Balai Berita, Bangsar
- b) Kempen keanggotaan kepada pekerja syarikat – pencadang akan menerima baucar Coop Mart bernilai RM10
- c) Kempen keanggotaan kepada ahli keluarga - pencadang akan menerima baucar Coop Mart bernilai RM50
- d) Bekerjasama dengan pihak Media Prima Berhad untuk menambahk keanggotaan.

### 2) KEBAJIKAN

#### SKIM PERLINDUNGAN DIRI DAN KELUARGA

#### SKIM TAKAFUL IDAMAN – TAKAFUL IKHLAS BERHAD

Semua anggota diwajibkan menyertai Skim Takaful Idaman dengan premium serendah RM10 setiap bulan. Pelbagai manfaat yang akan diterima oleh anggota.

Berdasarkan premium RM10 sebulan, kadar manfaat layak diterima adalah seperti berikut:-

- a) Elaun harian masuk wad : RM17 sehari
- b) Khairat : RM1,000
- c) Khairat kematian Pasangan : RM1,000
- d) Kematian : RM17,000 (biasa) / RM34,000 (kemalangan)
- e) Badal Haji : RM2,000 – RM3,000 (tertakluk kepada harga semasa). Bayaran diambil dari manfaat kematian.
- f) Penyakit kritikal : mengikut peratusan dari syarikat Takaful

Butiran manfaat yang dibayar kepada anggota dan waris bagi tahun 2024 adalah seperti berikut :

Bil	Nama	No Anggota	Manfaat	RM
1.	Azman Hasan	5216	Khairat, Kematian & Lebihan Sumbangan	15,052.30
2.	Abdul Halim Md Yusoff	9860	Penyakit Kritis	425.00
3	Shuliza Mohd Shukor	6132	Elaun Masuk Wad	85.00
4.	Jamil Mohamad @ Harun	5157	Elaun Masuk Wad	170.00
5.	Mardi Morad	5708	Khairat, Kematian & Lebihan Sumbangan	12,056.10
6.	Nurakma Mohd Kalimuddin	8902	Khairat, Kematian & Lebihan Sumbangan	35,111.41
7.	Aida Adilah Mat	8086	Elaun Masuk Wad	68.00
8.	Nooridah Saip Lani	6702	Elaun Masuk Wad	102.00
9.	Zolkefli Hamzah	3953	Khairat, Kematian & Lebihan Sumbangan	18,138.09
10.	Ismaamiza Ismail	9737	Elaun Masuk Wad	136.00
11.	Rosnirizal Abd Kadir	4829	Elaun Masuk Wad	221.00
12.	Norasmaliza Minhat	6603	Khairat, Kematian & Lebihan Sumbangan	18,006.20
13.	Dauza Umat	4886	Elaun Masuk Wad	153.00
14.	Mohd Suraimi Mohamed Ariffin	10434	Lebihan Sumbangan	3.30
JUMLAH				99,727.40

Pembayaran telah dimasukkan ke akaun anggota, kecuali anggota meninggal dunia, pembayaran dimasukkan ke akaun waris.

## TABUNG ANGGOTA KOPERASI

KOPMEDIA telah menubuhkan tabung-tabung bertujuan memberi kebajikan kepada anggota dan keluarga seperti berikut :

### A) TABUNG KEBAJIKAN AM

Bagi tahun 2024, KOPMEDIA telah menggunakan Tabung Kebajikan Am bagi tujuan kebajikan kepada anggota seperti Manfaat Tahun Satu, Kutipan Sumbangan kepada anggota dan Penyakit Kronik.

Butiran pengeluaran yang telah dikeluarkan adalah seperti berikut :

Bil	Manfaat	Bilangan Anggota	Kadar Sumbangan Seorang (RM)	Jumlah Sumbangan (RM)
1.	Tahun Satu	47	100.00	4,700.00
2.	Penyakit Kronik	1	200.00	200.00
	<b>JUMLAH</b>	<b>48</b>		<b>4,900.00</b>

KOPMEDIA juga telah menganjurkan program Kutipan Sumbangan untuk disalurkan kepada anggota yang memerlukan. Pada tahun 2024, seorang anggota iaitu Sdr Mohamad Yahya (n.a 6786) dengan hasil kutipan sebanyak RM426.85.

## LAPORAN TAHUNAN KOPMEDIA 2024

KOPMEDIA juga telah memberi Anugerah Kecemerlangan Pendidikan kepada anak-anak anggota yang cemerlang dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia pada tahun 2023. Anugerah berupa sijil penghargaan dan cek. Penerima anugerah adalah seperti berikut:

BIL	NAMA ANAK ANGGOTA	KEPUTUSAN	RM
1.	Azra Fatini Abd Ghafor	9A	270.00
2.	Adam Irfan Harraz Mohd Nadzri	10A	300.00
3.	Nik Nur Aishah Hanim Nik Zulkhairi	9A	270.00
4.	Nuwaira Mohd Saiful	9A	270.00
	JUMLAH		1,110.00

Selain itu, penggunaan adalah untuk sumbangan derma kepada surau dan manfaat kepada Anggota Lembaga & kakitangan Koperasi Media Prima Berhad. (Sila rujuk Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan Pada 31 Disember 2024.)

## B) TABUNG KHAIRAT KEMATIAN

Pada tahun 2024, KOPMEDIA telah memberi wang khairat sebanyak RM1,000 kepada waris anggota berikut yang telah meninggal dunia :

Bil	Nama Anggota	No Anggota	Syarikat
1.	Daymoodo a/l Nookiah	6518	NSTP (M) Berhad
2.	Mardi bin Morad	5708	Sistem Televisyen Malaysia Berhad
3.	Nurakma binti Mohd Kalimudin	8902	NSTP (M) Berhad
4.	Zolkefli bin Hamzah	3953	NSTP (M) Berhad
5.	Norasmaliza binti Minhat	6603	NSTP (M) Berhad
6.	Azman Hassan	5216	Sistem Televisyen Malaysia Berhad

KOPMEDIA juga telah memberi sumbangan wang khairat kepada 58 anggota atas kematian pasangan, anak, ibu-bapa dan ibu-bapa mertua masing-masing. Diharap sumbangan ini dapat mengurangkan bebanan anggota tersebut. Butiran sumbangan adalah seperti berikut :

Bil	Kematian	Bilangan Anggota	Kadar Sumbangan Seorang (RM)	Jumlah Sumbangan (RM)
1.	Anak	2	500.00	1,000.00
2.	Ibu /Bapa	40	300.00	12,000.00
3.	Ibu Mertua / Bapa Mertua	16	300.00	4,800.00
	JUMLAH	58		17,800.00

## C) TABUNG PERLINDUNGAN PEMBIAYAAN

Pada tahun 2024, KOPMEDIA telah melindungi baki pembiayaan anggota koperasi yang meninggal dunia seperti berikut :

Bil	Simati	No Anggota	Jumlah Pembiayaan Dilindungi (RM)
1.	Azman Hassan	5216	5,253.00
	JUMLAH		5,253.00

Dengan perlindungan ini, waris dan penjamin tidak dibebankan untuk membayar baki pembiayaan tersebut.

### **3) KOMUNIKASI**

Sepanjang tahun 2024, Koperasi Media Prima Berhad telah memperkuuh komunikasi dengan anggota melalui pelbagai saluran berikut:

- a) Sesi Penerangan – pertemuan dengan anggota di kaunter khidmat pelanggan.
- b) Email Blast – hebahan poster dan maklumat terkini kepada anggota.
- c) Notis – dipamerkan di papan kenyataan, email blast dan media social.
- d) Poster / Risalah – dipamerkan di papan kenyataan, email blast dan juga platform media sosial.
- e) Buletin – mengandungi informasi dan laporan aktiviti-aktiviti anjuran KOPMEDIA.
- f) Facebook / Instagram – mengemas kini pelbagai aktiviti koperasi.
- g) Laman Web – akses kepada maklumat, aktiviti serta borang-borang KOPMEDIA.
- h) TikTok – memaparkan video pendek berkaitan aktiviti koperasi secara menarik dan kreatif.

Satu kumpulan ‘whatsApp’ anggota diwujudkan bagi memudahkan penyebaran maklumat terkini.

### **4) PENGURUSAN ACARA**

Sepanjang tahun 2024, KOPMEDIA menerusi KNSTP Smart Solutions telah menganjurkan empat Kursus Pengurusan dan dua Bengkel Mewarna. Kursus pengurusan dikendalikan oleh Encik Zainudin Ali dan Bengkel Mewarna oleh Encik Hasreen Ismail (Uneh)

Kursus dan Bengkel adalah seperti berikut:

1. Kursus Pengurusan Risiko Ar Rahnu
2. Bengkel Pengendalian Disiplin dan Siasatan Dalaman
3. Sun Tzu Seni Perniagaan Untuk Pemimpin Koperasi
4. Bengkel Pengurusan Pembentukan Koperasi
5. Bengkel Mewarna UNEH untuk anak-anak Koperasi
6. Bengkel Mewarna UNEH untuk program Tanggungjawab Sosial dengan kerjasama Masjid Jamek Sultan Abd Aziz Petaling Jaya

### **SASARAN DAN PERLAKSANAAN BAGI TAHUN 2025**

- JKK komited untuk terus memperkuuh sistem komunikasi dan penyampaian maklumat melalui laman web, Facebook, Instagram, media elektronik, risalah serta emel.
- Laman web KOPMEDIA akan sentiasa dikemaskini secara berkala bagi memastikan maklumat yang disampaikan adalah tepat dan relevan.
- Usaha berterusan akan dilaksanakan oleh JKK bagi meningkatkan bilangan anggota melalui aktiviti promosi bulanan.
- Promosi keanggotaan akan diperluaskan kepada rakan niaga dan ahli keluarga sedia ada.
- Kerjasama strategik akan dijalankan dengan pihak syarikat bagi memastikan semua kakitangan menyertai koperasi sebagai anggota.
- Penyertaan anggota dalam pelbagai aktiviti koperasi akan digalakkan, termasuk Pertandingan Logo Baru KOPMEDIA, pengurusan acara koperasi, kursus anjuran IKMA dan jualan Coop Mart.

## PENUTUP

Alhamdulilah, kebajikan anggota terus diberikan keutamaan. JKK berharap kebajikan yang diberikan dan komunikasi yang baik akan mendapat penerimaan yang positif dari anggota. Kakitangan juga perlu mempertingkatkan komunikasi kepada semua wargakerja Media Prima Berhad dengan mempertingkatkan komunikasi dibantu oleh perwakilan serta semua barisan Anggota Lembaga KOPMEDIA.

Sekian, terima kasih.

### **“MAJU KOPERASI ANGGOTA BAHAGIA”**

Bagi pihak,  
Koperasi Media Prima Berhad



**ABDUL RAHIM LLIN**  
**Pengerusi**  
Jawatankuasa Kecil Keanggotaan, Kebajikan, Komunikasi & Pengurusan Acara

## LAMPIRAN A

# KURSUS / SEMINAR YANG DIHADIRI OLEH ANGGOTA LEMBAGA, KAKITANGAN, JAWATANKUASA AUDIT DALAM DAN ANGGOTA KOPMEDIA BAGI TAHUN 2024

BIL	KURSUS / SEMINAR	TARIKH	PESERTA
1	Kursus Penaksir Ar-Rahnu X'Change Anjuran : Rakyat Management Services Sdn Bhd Tempat : Bank Rakyat, Menara Berkembar	22 - 24 Januari	Muhamad Aiman Bin Roselee
2	Inspirasi Ilmu: Sumber Manusia Pilar Utama Koperasi & Taklimat Program Sijil Eksekutif Anjuran : Institut Koperasi Malaysia (Ikma) Tempat : atas talian (zoom)	30 Januari	Rodziah Jamaah Azlina Ibrahim Baharuddin Ishak
3	Pengurusan Strategik (Wajib 3) Anjuran : Institut Koperasi Malaysia (IKMa) Tempat : atas talian (zoom)	05 & 06 Februari	Mohd Hidzir Md Ismail
4	Maskop Madani – Program Memasyarakat Koperasi Madani 2024 Anjuran : Institut Koperasi Malaysia (IKMa) Tempat : Petaling Jaya	8 Februari	Ridzwan Ahmad Ahmad Shukran Mohamad Salleh
5	Kempen Aktif Levy Anjuran : Human Resources Development Corporation (HRDC ) Tempat : St. Giles Boulevard, KL	27 Februari	Azlina Ibrahim
6	Rekod dan Fail Efektif Anjuran : Institut Koperasi Malaysia (IKMA) Tempat : Petaling Jaya	19 - 21 Februari	Nur Khairul Azree Hanim
7	Teknik Penulisan Minit Mesyuarat Anjuran : Institut Koperasi Malaysia (IKMa) Aplikasi : Petaling Jaya	5 Mac	Azlina Ibrahim Nor Amiza Azizi Ainin Sofea Abdul Basid
8	Aplikasi Ms Excel Anjuran : Institut Koperasi Malaysia (IKMa) Tempat : Petaling Jaya	04 – 06 Mac	Abdul Syahid Abd Mutualib
9	Akta Pekerja 1955 Anjuran : Tech-Global Corporation & Consultancy Sdn Bhd Tempat : Hotel Mitree, Puchong	23 April	Azlina Ibrahim
10	Wajib Lanjutan - Pengurusan Risiko Anjuran : Institut Koperasi Malaysia (IKMa) Tempat : Atas talian (zoom)	29 & 30 April	Amir Bin Mat Kupli Mohd Fadzil Abdul Ghani Abdul Rahim Llin Baharuddin Ishak Mohd Hidzir Md Ismail
11	Persidangan Francais Antarabangsa 2024 Anjuran : Malaysian Franchise Association (MFA) Tempat : Plenary Theatre Hall, KLCC	29 Mei	Amir Bin Mat Kupli

BIL	KURSUS / SEMINAR	TARIKH	PESERTA
12	Pengurusan Projek Koperasi Secara Efektif Anjuran : Institut Koperasi Malaysia (Ikma) Aplikasi : Atas Talian (Zoom)	05 Jun	Amir Bin Mat Kupli Mohd Fadzil Abdul Ghani Fazleesham Mohd Yunus Khairuzzaman Mohamad
13	Automasi Pejabat (Ms Word & Ms Power Point) Anjuran : Institut Koperasi Malaysia (Ikma) Tempat : Petaling Jaya	05 & 6 Jun	Ahmad Shukran Mohamad Salleh
14	Perakaunan Asas Koperasi Anjuran : Institut Koperasi Malaysia (Ikma) Tempat : Petaling Jaya	10 – 13 Jun	Siti Saleha Mohamad
15	Bengkel Perniagaan Ar-Rahnu – Satu Potensi Perniagaan Koperasi Anjuran : Angkasa Tempat : Hotel Tabung Haji, Kelana Jaya	24 Jun	Muhamad Aiman Bin Roselee Muhammad Zulhairi Zaharudin
16	Taklimat Pembiayaan Tabung Modal Pusingan Geran Bantuan Pembangunan dan Penyediaan Kertas Kerja Projek Zon Wilayah Persekutuan Anjuran : Angkasa Aplikasi : Atas Talian (Zoom)	25 Jun	Rodziah Jamaah Mohd Fadzil Abdul Ghani
17	Potensi Bisnes Kedai Dobi Anjuran : Institut Koperasi Malaysia (Ikma) Tempat : Petaling Jaya	26 & 27 Jun	Rodziah Jamaah Amir Mat Kupli Hashim Jaferi (Anggota) Asrulnizam Kadir (Anggota)
18	Pengeditan Grafik Menggunakan Canva Anjuran : Institut Koperasi Malaysia (Ikma) Aplikasi : Atas Talian	01 & 02 Julai	Ainin Sofea Abdul Basid
19	Kutipan Hutang Yang Berkesan Anjuran : Tech-Global Corporation & Consultancy Sdn Bhd Tempat : Hotel Summit, Subang Jaya	16 Julai	Noorhazifah Mohd Aminoor Nur Khairul Azree Hanim
20	Program Padanan Perniagaan Koperasi Sempena Hari Koperasi Negara Peringkat Wilayah Persekutuan Tahun 2024 Anjuran : Suruhanjaya Koperasi Malaysia Tempat : Dewan Sri Melati, Perbadanan Putrajaya	17 Julai	Salehudin Shah Shabudin Kamarulzaman Mohd Salleh
21	Bengkel Sun Tzu Seni Perniagaan Untuk Pemimpin Koperasi Anjuran : KNSTP Smart Solution Tempat : Ideas Kuala Lumpur	22 & 23 Julai	Rodziah Jamaah
22	Artificial Inteligence (AI) untuk Pemasaran Koperasi Anjuran : Institut Koperasi Malaysia (Ikma) Tempat : Petaling Jaya	22 & 23 Julai	Baharuddin Ishak
23	Latihan Spekar Anjuran : Experian Credit Control Aplikasi : Atas talian	24 Julai	Noorhazifah Mohd Aminoor Nur Khairul Azree Hanim

BIL	KURSUS / SEMINAR	TARIKH	PESERTA
24	Simpodium Pendidikan Perburuan Peringkat Negeri Anjuran : Jabatan Tenaga Kerja Tempat : Maju Junction Mall, Kuala Lumpur	25 Julai	Khairuzzaman Mohamad
25	Kongres Kebangsaan 2024 Wilayah Anjuran : Angkasa Tempat : PWTC, Kuala Lumpur Aplikasi : Online	26 Julai	Ridzwan Ahmad Salehudin Shah Shabudin
26	Strategi Pemasaran Melalui Tik Tok Anjuran : Institut Koperasi Malaysia (Ikma) Tempat : Petaling Jaya	29 & 30 Julai	Nor Khairina Bt Leela Nasaruddin Ramona Halmi
27	Seminar Perniagaan Ar-Rahnu dan Pelancaran (CODE e –CORAHNU) Anjuran : Institut Koperasi Malaysia (Ikma) Tempat : Hotel Tenera, Bangi, Selangor	13 Ogos	Ainin Sofea Abdul Basid Mohd Fadzil Abdul Ghani Fazleesham Mohd Yunus
28	Program Digital CODE dan Projek Latihan Pemasaran melalui platform digital Anjuran : Angkasa (Seksyen Pelancongan Penjagaan Diri dan Kesihatan ) Tempat : Farmstay Relau, Bandar Baharu, Kedah	25 – 27 Ogos	Amir Mat Kupli Ismadi Ismail
29	Majlis Persidangan Ar-Rahnu X'Change 2024 Anjuran : Rakyat Management Services Sdn Bhd Tempat : Farm Garden Hotel, Putrajaya	05 – 07 September	Siti Saleha Mohamad Muhammad Zulhairi Zaharudin
30	Sesi Dialog Hala Tuju Perniagaan Ar-Rahnu dan Emas Gerakan Koperasi Anjuran : Angkasa Tempat : Wisma Ungku Aiz, Kelana Jaya	09 September	Mohd Fadzil Abdul Ghani Salehuddin Shah Shabudin
31	Penjenamaan Pembungkusan dan Pelabelan Produk Anjuran : Institut Koperasi Malaysia (Ikma) Aplikasi : Online	09 & 10 September	Amir Bin Mat Kupli Abdul Syahid Abd Mutualib Khairi Abdul Khalid
32	Pembangunan Laman Web dan Search Engine Optimization (SEO) Anjuran : Institut Koperasi Malaysia (Ikma) Tempat : Petaling Jaya	09 – 11 September	Ismadi Ismail Ridzwan Ahmad
33	Kursus Penaksir & Ketua Cawangan Ar-Rahnu X'Change Anjuran : Rakyat Management Services Sdn Bhd Tempat : Menara Berkembar, Kuala Lumpur	10 – 12 September	Nursyahira Abdul Aziz Ramona Halmi
34	Perundungan Koperasi Anjuran : Institut Koperasi Malaysia (Ikma) Tempat : Atas Talian	11 – 12 September	Hj Shukor Othman
35	Wajib Plus – Perundungan Koperasi Anjuran : Institut Koperasi Malaysia (Ikma) Aplikasi : Atas Talian	24 & 25 September	Mohd Fadzil Abdul Ghani Ahmad Shukran Mohd Salleh Khairuzzaman Mohamad Ahmad Nizam Eusof

BIL	KURSUS / SEMINAR	TARIKH	PESERTA
36	Seminar Pencerahan Penggunaan dan Kepentingan Artificial Intelligent (AI) Anjuran : Angkasa Tempat : Hotel Alamiis City, Kuala Lumpur	25 September	Ridzwan Ahmad Ismadi Ismail
37	Perbincangan Jawatankuasa Penaja Konsortium KO-Rahnu Anjuran : Angkasa Tempat : Dewan Dato Ali Baharum, Angkasa	25 September	Mohd Fadzil Abdul Ghani
38	Penghasilan Video Smartphone Anjuran : Institut Koperasi Malaysia (Ikma) Tempat : Petaling Jaya	07 – 09 Oktober	Sitti Baizurah Fatin Nabilah Kamarul Baharin
39	Kursus Penaksir Ar-Rahnu X; Change Anjuran : Rakyat Management Services Sdn Bhd Tempat : Menara Berkembar, Kuala Lumpur	22 – 24 Oktober.	Fatin Nabilah Kamarul Baharin
40	Strategi Pemasaran Whatsapp Business Anjuran : Institut Koperasi Malaysia (IKMA) Tempat : Atas Talian	28 & 29 Oktober	Nor Amiza Azizi Nor Khairina Leela Nasaruddin Nursyahira Abdul Aziz
41	Kursus Perlaksanaan E-Invois Anjuran : Koperasi Kakitangan Maktab Kerjasama Malaysia Berhad Tempat : Tamarind Square, Cyberjaya	29 & 31 Oktober	Rodziah Jamaah
42	Bengkel Pengurusan Pembiayaan Anjuran : KNSTP Smart Solution Tempat : Tamu Hotel, Kuala Lumpur	18 & 19 November	Nor Amiza Azizi Nur Khairul Azree Hanim
43	Sesi Libat Urus Meja Bulat Pemantapan Cadangan Penggubalan Akta Baru Menggantikan Akta Koperasi 1993 (Akta 502) Anjuran : Kesatuan Koperasi-Koperasi Kredit Malaysia Berhad (ACCUM) Tempat : Wisma KKP, Kuala Lumpur	14 Disember	Rodziah Jamaah Abdul Rahim Llin Ahmad Shukran Mohamad Salleh



## Jawatan Kuasa Audit Dalaman 2024/2025

No Ruj Kami : 9/JKAD 2024/2025-MAT57

29hb April 2025

**Anggota Lembaga Koperasi**  
 Koperasi Media Prima Berhad  
 31 Jalan Riong  
 59100 Kuala Lumpur

Tuan / Puan,

### LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN SESI 2023/2024

Laporan Audit ini disediakan untuk mematuhi kehendak Seksyen 49, Akta Koperasi 1993 dan Undang-Undang Kecil 52 untuk dibentangkan dalam Mesyuarat Agung Tahunan kali ke 57.

1. Jawatankuasa Audit Dalaman Koperasi Media Prima Berhad sesi 2024/2025 dianggotai oleh :-

Mohd Hafiz Bin Mohamad Ghazali	-	Pengerusi
Mohd Rizan Bin Akmar Taharuddin	-	Ahli Jawatankuasa
Shukor Bin Hj Othman	-	Ahli Jawatankuasa
Nor Azmi Bin Ali	-	Ahli Jawatankuasa
Mohd Rizal Bin Saári	-	Ahli Jawatankuasa

2. Laporan yang dibuat adalah berdasarkan Pengauditan untuk tempoh berakhir 31hb Disember 2024 merangkumi Penyata Aliran Tunai, Skim-Skim Pinjaman dan Nota Akaun. Pengauditan juga merangkumi semua aspek termasuk pentadbiran keseluruhan koperasi termasuk Coop Mart dan Ar Rahnu.

3. Jadual pengauditan adalah seperti berikut :-

- 9hb Julai 2024  
Mesyuarat Audit pertama sesi 2024/2025
- 14hb Ogos 2024  
Pengaliran Wang Tunai Masuk dan Keluar / Skim Pembiayaan Jangka Panjang / Skim Pembiayaan Jangka Pendek / Akaun Anggota Lembaga & Kakitangan Koperasi
- 2hb September 2024  
Pengaliran Wang Tunai Masuk dan Keluar / Skim Pengeluaran / Skim Insurans Berkelompok / Tabung dan Kumpulan Wang Koperasi
- 23hb September 2024  
Pengaliran Wang Tunai Masuk dan Keluar / Komersial / Pengurusan Acara / Polisi Pentadbiran & Kewangan Koperasi
- 2hb Disember 2024  
Koop Ar Rahnu X'Change Dataran Mentari
- 6hb Januari 2025  
Koop Ar Rahnu X'Change Bandar Seri Putra
- 18hb Januari 2025  
Stok Coop Mart / Aturan Proses Jual Beli, Penerimaan Stok
- 14hb April 2025  
Pengaliran Wang Tunai Masuk dan Keluar / Manual Aturan Kerja/ Pelaburan & Aset Koperasi/ Pinjaman Luar / Keanggotaan, Keanggotaan Aktif Sambung, Rakan Niaga & Keluarga / Hartanah-Bangunan / Prestasi Jawatankuasa Kecil
- 15hb April 2025  
Pengaliran Wang Tunai Masuk dan Keluar / Hartanah-Bangunan / Carta Organisasi Kakitangan / Pentadbiran & Sumber Manusia

4. Pelan Strategik 2024-2030 yang sedang dilakukan mampu memberi impak positif bersesuaian dengan penjenamaan semula Koperasi kepada Koperasi Media Prima Berhad (KopMedia) supaya dapat meningkatkan lagi jumlah keuntungan pada tahun akan datang.
5. Pemeriksaan terhadap penyata dan semua dokumen di dapati tersusun dengan baik dan disimpan dengan teratur mengikut piawaian perakaunan. Urusan pentadbiran seperti pengendalian fail-fail dan urusniaga perbelanjaan, penerimaan, perolehan adalah sebagaimana yang dikehendaki oleh Akta Koperasi 1993 dan Undang-Undang Kecil Koperasi (52).
6. Kami ingin mengucapkan terima kasih kepada semua kakitangan Koperasi dan Ahli Lembaga Koperasi atas kepercayaan dan kerjasama yang amat baik sepanjang tempoh kami menjalankan tanggungjawab audit dalaman ini.

Sekian. Salam Hormat.

Yang Menjalankan Tugas

**Mohd Hafiz Bin Mohamad Ghazali**  
(Pengerusi JKAD)

**Shukor Bin Hj Othman**  
(Ahli JKAD)

**Mohd Rizan Akmar Bin Taharuddin**  
(Ahli JKAD)

**Nor Azmi Bin Ali**  
(Ahli JKAD)

**Mohd Rizal Bin Saári**  
(Ahli JKAD)



**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**  
Menara Suruhanjaya Koperasi Malaysia  
Changkat Semantan Off Jalan Semantan  
Bukit Damansara  
50490 Kuala Lumpur  
MALAYSIA



Tel : 03 - 20834000  
Faks: 03-20834100  
Portal Rasmi: [www.skm.gov.my](http://www.skm.gov.my)

Ruj.Kami : SKM.IP.(AUDIT):  
N72/1981/5 Jld.8/(6)  
Tarikh : 27/11/2024

Anggota Lembaga,  
Anggota-anggota Koperasi,  
Koperasi New Straits Times Press (Malaysia) Berhad  
Tingkat 1, Bangunan NST Press (M) Sdn. Bhd,  
No.31, Jalan Riong, Off Jalan Bangsar,  
**59100 KUALA LUMPUR**

Tuan,

**PANDANGAN SURUHANJAYA DI BAWAH SUBSEKSYEN 59(2) AKTA KOPERASI 1993 KE ATAS AKAUN-AKAUN DAN KUNCI KIRA-KIRA KOPERASI BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2023**

Merujuk kepada perkara di atas, adalah dimaklumkan bahawa akaun-akaun dan kunci kira-kira koperasi yang diaudit oleh juruaudit Abd Razak Bin Nazah Din dari firma A. Razak & Co. telah diterima oleh Suruhanjaya.

2. Pihak kami telah membuat semakan dan pemerhatian ke atas akaun-akaun dan kunci kira-kira serta nota-nota kepada akaun bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023.
3. Berdasarkan semakan dan pemerhatian ke atas akaun dan kunci kira-kira yang dikemukakan, kami ingin menarik perhatian berkenaan perkara-perkara berikut:

---

PENERAJU KECEMERLANGAN KOPERASI



## **Koperasi New Straits Times Press (Malaysia) Berhad**

Pandangan Suruhanjaya Ke Atas Akaun dan Kunci Kira-kira  
Koperasi Berakhir Pada 31 Disember 2023

---

### **(a) Penghantaran Borang Cukai Pendapatan Koperasi**

Sila maklum terhadap tanggungjawab koperasi untuk membuka fail dan mengemukakan anggaran cukai secara e-filing (e-CP204) ke Pusat Pemprosesan Maklumat LHDNM (Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia) walaupun koperasi dikecualikan cukai. Koperasi juga hendaklah menyimpan buku dan rekod perakaunan selama tujuh (7) tahun bagi tujuan semakan LHDNM. Tindakan ini hendaklah dipatuhi oleh semua koperasi yang didaftarkan di bawah Akta Koperasi 1993.

### **(b) Arahan Suruhanjaya Koperasi Malaysia Bilangan 2 Tahun 2023**

Sila maklum terhadap Arahan Suruhanjaya Koperasi Malaysia Bilangan 2 Tahun 2023 berkaitan Arahan Pemindahan Kepada Kumpulan Wang Rizab Statutori bertarikh 12 Disember 2023. Arahan tersebut menentukan pemindahkan kepada Kumpulan Wang Rizab Statutori (KWRS) tidak kurang daripada tiga belas peratus (13%) daripada untung bersih teraudit mulai tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023 sehingga 30 November 2025. Oleh itu, pembahagian berkanun bagi tempoh tersebut boleh dibuat berdasarkan arahan yang di atas dan peruntukan subseksyen 57(4) Akta Koperasi 1993.

### **(c) Dividen Menggunakan Mana-mana Sumber**

Maklumat di Akaun Pembahagian Keuntungan pada 31 Disember 2023 menunjukkan koperasi mencadangkan dividen berjumlah RM250,112 sedangkan baki untung selepas pembahagian berkanun hanya ada RM86,567 iaitu tidak cukup untuk membayar dividen seperti yang dicadangkan. Sekiranya koperasi bercadang untuk membayar dividen menggunakan mana-mana sumber, koperasi hendaklah terlebih dahulu mendapatkan kelulusan bertulis daripada Suruhanjaya seperimana kehendak di bawah perenggan 57(5)(b) Akta Koperasi 1993.

### **(d) Pelaburan Di Bawah Seksyen 54 Akta Koperasi 1993**

Koperasi diminta untuk mengambil maklum dengan serius akan keperluan dan memastikan pelaburan-pelaburan yang dinyatakan di subseksyen 54(2) Akta dibuat dengan kelulusan Suruhanjaya.

## Koperasi New Straits Times Press (Malaysia) Berhad

Pandangan Suruhanjaya Ke Atas Akaun dan Kunci Kira-kira  
Koperasi Berakhir Pada 31 Disember 2023

---

### (e) Ar-Rahnu X'change - Lebihan Lelongan Tidak Dituntut (Nota 27)

Nota 27 menunjukkan terdapat lebihan lelongan tidak dituntut berjumlah RM312,298. Sekiranya koperasi sukar mengesan penggadai untuk mengembalikan lebihan lelongan Ar-Rahnu, koperasi hendaklah membuat serahan wang tersebut kepada Pendaftar Wang Tak Dituntut, Jabatan Akauntan Negara Malaysia mengikut kehendak Akta Wang Tak Dituntut 1965.

4. Semua pandangan Suruhanjaya di atas yang mempunyai kesan kewangan terhadap akaun teraudit dan kunci kira-kira koperasi hendaklah diselaraskan dengan sewajarnya oleh koperasi dan ditunjukkan dengan jelas dalam akaun teraudit koperasi tahun kewangan akan datang selaras dengan peruntukan subseksyen 59(2A) Akta Koperasi 1993 dan dilaporkan oleh anggota Lembaga koperasi dalam laporan berkanunnya seperti mana kehendak di bawah perenggan 59(3)(g) Akta yang sama.

Sekian.

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,

**(MARCELLINUS ANDREAS)**

b.p. Ketua Pegawai Eksekutif,  
Suruhanjaya Koperasi Malaysia.

Nota : Ini adalah cetakan komputer, tandatangan tidak diperlukan.

s.k. Pengarah Suruhanjaya Koperasi Malaysia Wilayah Persekutuan  
Ketua Bahagian Audit Wilayah Persekutuan  
Penolong Pengarah Wilayah Nasional D  
Firma A. Razak & Co.



**A. RAZAK & CO. PLT**  
Chartered Accountants  
LLP0042238-LCA & AF 0842

📍 B3-08 Block B, Plaza Dwitasik, Jalan Sri Permaisuri, Bandar Sri Permaisuri, 56000 Kuala Lumpur.  
🕒 03-9282 9032, 9281 9844, 9281 2044, 9285 9768 📩 arazaknco@gmail.com 🌐 www.arazaknco.com.my  
(Hunting Line)

## KOPERASI MEDIA PRIMA BERHAD

(Dahulu dikenali Koperasi New Straits Times Press (Malaysia) Berhad)

(Didafarkan di Malaysia mengikut Akta Koperasi 1993)

## LAPORAN JURUAUDIT BEBAS BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

Kepada:

Pengerusi Eksekutif, Suruhanjaya Koperasi Malaysia  
Anggota-anggota KOPERASI MEDIA PRIMA BERHAD

### Laporan Terhadap Penyata Kewangan

Kami telah mengaudit penyata kewangan KOPERASI MEDIA PRIMA BERHAD, yang merangkumi Kunci Kira-Kira pada 31 DISEMBER 2024, Akaun Pembahagian Keuntungan, Akaun Untung Rugi, dan Penyata Aliran Tunai bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut serta nota-nota kepada penyata kewangan dan satu ringkasan dasar perakaunan penting seperti yang dibentangkan pada muka surat 10 hingga 57 di dalam penyata kewangan.

Pada pendapat kami, penyata kewangan ini telah memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Koperasi pada 31 DISEMBER 2024 dan prestasi kewangan dan aliran tunai untuk tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Pelaporan Entiti-entiti Persendirian Malaysia (MPERS) dan Akta Koperasi 1993 di Malaysia.

### Asas kepada Pendapat

Kami telah melaksanakan audit menurut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa (ISA). Tanggungjawab kami di bawah piawaian-piawaian tersebut dijelaskan dibawah perenggan Tanggungjawab Juruaudit ke atas Audit Penyata Kewangan laporan ini. Kami percaya bahawa bukti audit yang kami perolehi adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas bagi pendapat ini.

### Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Kami merupakan juruaudit yang bebas daripada Koperasi selaras dengan Undang-Undang Kecil (*Etika Professional, Tatacara dan Amalan*) daripada Institut Akauntan Malaysia ("By Laws") dan *Kod Etika untuk Professional Akauntan oleh Lembaga Piawaian Etika Akauntan Antarabangsa* (termasuk Piawaian Kebebasan Antarabangsa) ("Kod IESBA"), dan kami telah mematuhi tanggungjawab etika lain selaras dengan By-Laws (MIA) dan Kod IESBA.



**A. RAZAK & CO. PLT**  
Chartered Accountants  
LLP0042238-LCA & AF 0842

📍 B3-08 Block B, Plaza Dwitasik, Jalan Sri Permaisuri, Bandar Sri Permaisuri, 56000 Kuala Lumpur.  
📞 03-9282 9032, 9281 9844, 9281 2044, 9285 9768 📩 arazaknco@gmail.com 🌐 www.arazaknco.com.my  
(Hunting Line)

## KOPERASI MEDIA PRIMA BERHAD

(Dahulu dikenali Koperasi New Straits Times Press (Malaysia) Berhad)  
(Didasarkan di Malaysia mengikut Akta Koperasi 1993)

### LAPORAN JURUAUDIT BEBAS BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

#### Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Mengenainya

Anggota Lembaga Koperasi bertanggungjawab ke atas maklumat lain selain daripada penyata kewangan dan laporan juruaudit mengenainya. Maklumat lain termasuk Penyata oleh Anggota Lembaga Koperasi tetapi tidak termasuk laporan penyata kewangan Koperasi dan laporan juruaudit mengenainya.

Kami hanya memberikan pendapat ke atas penyata kewangan Koperasi dan ini tidak termasuk Penyata oleh Anggota Lembaga Koperasi dan juga tidak melaporkan sebarang kesimpulan mengenainya.

Berhubung dengan audit ke atas penyata kewangan Koperasi, menjadi tanggungjawab kami untuk membaca Penyata oleh Anggota Lembaga Koperasi dan mempertimbangkannya samada terdapat perkara material yang dilaporkan tidak konsisten dengan penyata kewangan yang boleh membawa kepada salah nyata yang material.

Berdasarkan audit yang dilaksanakan, sekiranya kami membuat kesimpulan bahawa terdapat salah nyata material dinyatakan di dalam Penyata oleh Anggota Lembaga Koperasi, maka kami dikehendaki melaporkannya. Kami tidak mempunyai sebarang perkara untuk dilaporkan mengenainya.

#### Tanggungjawab Anggota Lembaga Koperasi dan Kumpulan terhadap Penyata Kewangan

Anggota Lembaga Koperasi bertanggungjawab di dalam penyediaan penyata kewangan supaya dapat memberikan gambaran yang benar dan saksama selaras dengan Piawaian Pelaporan Entiti-entiti Persendirian Malaysia (MPERS). Anggota Lembaga Koperasi juga bertanggungjawab terhadap kawalan dalaman yang ditentukan bagi membolehkan mereka menyediakan penyata kewangan Koperasi yang bebas daripada salah nyata yang material, samada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan.

Dalam menyediakan penyata kewangan, Anggota Lembaga Koperasi bertanggungjawab menilai kemampuan Koperasi untuk terus beroperasi sebagai entiti berterusan dan mendedahkan asas yang digunakan berhubung usaha berterusan tersebut melainkan Anggota Lembaga Koperasi berniat untuk membubarkan Koperasi atau menghentikan operasi.



**A. RAZAK & CO. PLT**  
Chartered Accountants  
LLP0042238-LCA & AF 0842

📍 B3-08 Block B, Plaza Dwitasik, Jalan Sri Permaisuri, Bandar Sri Permaisuri, 56000 Kuala Lumpur.  
📞 03-9282 9032, 9281 9844, 9281 2044, 9285 9768 📩 arazaknco@gmail.com 🌐 www.arazaknco.com.my  
(Hunting Line)

## KOPERASI MEDIA PRIMA BERHAD

(Dahulu dikenali Koperasi New Straits Times Press (Malaysia) Berhad)  
(Didasarkan di Malaysia mengikut Akta Koperasi 1993)

### LAPORAN JURUAUDIT BEBAS BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

#### Tanggungjawab Juruaudit ke atas Penyata Kewangan (Samb.)

Objektif kami adalah untuk memperolehi keyakinan yang munasabah tentang penyata kewangan secara keseluruhan, samada atau tidak penyata kewangan tersebut bebas daripada salah nyata fakta yang material, yang disebabkan oleh penipuan atau kesilapan dan melaporkan mengenainya dalam pendapat juruaudit. Keyakinan yang munasabah merupakan tahap keyakinan juruaudit yang tertinggi. Walaubagaimanapun, ia bukanlah satu jaminan yang juruaudit sentiasa dapat mengenalpasti kewujudan salah nyata yang material walaupun audit telah dilaksanakan mengikut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan juga Piawaian Pengauditan Antarabangsa (ISA). Kesalahan salah nyata boleh berlaku melalui penipuan atau kesilapan dan salah nyata itu dikira material apabila amauan itu secara individu atau agregat boleh mempengaruhi keputusan ekonomi pengguna penyata kewangan ini.

Dalam melaksanakan audit selaras dengan piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa (ISA), kami mengamalkan pertimbangan profesional dan keraguan profesional. Kami juga :-

- Mengenalpasti dan menilai risiko salah nyata yang material di dalam penyata kewangan Koperasi, samada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur-prosedur audit yang responsif terhadap risiko dan mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan sesuai bagi menyatakan pendapat kami. Ketidakbolehan juruaudit mengesan salah nyata material yang berpunca daripada penipuan adalah lebih berisiko berbanding kesalahan disebabkan kesilapan kerana ia melibatkan pakatan sulit, pemalsuan, peninggalan fakta yang disengajakan, salah nyata atau perbuatan yang melanggar sistem kawalan dalam Koperasi.
- Memahami kawalan dalam yang relevan kepada audit bagi membolehkan kami merangka prosedur audit yang bersesuaian dengan keadaan, tetapi bukan bertujuan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalam Koperasi.
- Menilai kesesuaian polisi perakaunan yang digunakan dan kemunasabahan anggaran perakaunan yang dibuat serta pendedahan mengenainya oleh Anggota Lembaga Koperasi.



**A. RAZAK & CO. PLT**  
Chartered Accountants  
LLP0042238-LCA & AF 0842

📍 B3-08 Block B, Plaza Dwitasik, Jalan Sri Permaisuri, Bandar Sri Permaisuri, 56000 Kuala Lumpur.  
📞 03-9282 9032, 9281 9844, 9281 2044, 9285 9768 📩 arazaknco@gmail.com 🌐 www.arazaknco.com.my  
(Hunting Line)

## KOPERASI MEDIA PRIMA BERHAD

(Dahulu dikenali Koperasi New Straits Times Press (Malaysia) Berhad)  
(Didasarkan di Malaysia mengikut Akta Koperasi 1993)

## LAPORAN JURUAUDIT BEBAS BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

### Tanggungjawab Juruaudit ke atas Penyata Kewangan (Samb.)

Dalam melaksanakan audit selaras dengan piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa (ISA), kami mengamalkan pertimbangan profesional dan keraguan profesional. Kami juga :- (Samb.)

- Membuat kesimpulan ke atas andaian yang digunakan oleh Anggota Lembaga Koperasi untuk beroperasi sebagai entiti berterusan, berdasarkan bukti audit yang diperolehi, samada wujudnya ketidakpastian yang material yang boleh menimbulkan keraguan yang signifikan ke atas kemampuan Koperasi meneruskan operasinya. Sekiranya kami membuat kesimpulan bahawa wujudnya ketidakpastian yang material, kami dikehendaki melaporkannya di dalam laporan juruaudit mengenai pendedahan yang dibuat di dalam penyata kewangan Koperasi dan pendapat bersyarat perlu dilaporkan sekiranya pendedahan yang dibuat itu tidak mencukupi. Kesimpulan yang dibuat ini adalah berdasarkan bukti audit yang diperolehi sehingga tarikh laporan ini dikeluarkan. Walaubagaimanapun, peristiwa dan keadaan tertentu yang berlaku pada masa akan datang berkemungkinan boleh mengakibatkan Koperasi tidak lagi beroperasi sebagai usaha berterusan.
- Menilai keseluruhan persembahan, struktur dan kandungan penyata kewangan Koperasi, termasuk pendedahan ke atasnya, samada penyata kewangan ini mewakili transaksi dan peristiwa yang menjadi asas untuk menghasilkan persembahan laporan yang saksama.

Kami juga berkomunikasi dengan Anggota Lembaga Koperasi mengenai perkara lain antaranya skop perancangan, tempoh audit dan penemuan yang signifikan, termasuk kelemahan yang signifikan di dalam kawalan dalaman yang dikenalpasti semasa audit dilakukan.



**A. RAZAK & CO. PLT**  
Chartered Accountants

LLP0042238-LCA & AF 0842

📍 B3-08 Block B, Plaza Dwitasik, Jalan Sri Permaisuri, Bandar Sri Permaisuri, 56000 Kuala Lumpur.  
📞 03-9282 9032, 9281 9844, 9281 2044, 9285 9768 📩 arazaknco@gmail.com 🌐 www.arazaknco.com.my  
(Hunting Line)

## KOPERASI MEDIA PRIMA BERHAD

(Dahulu dikenali Koperasi New Straits Times Press (Malaysia) Berhad)

(Didafarkan di Malaysia mengikut Akta Koperasi 1993)

## LAPORAN JURUAUDIT BEBAS BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

### Laporan ke atas Undang-undang dan Peraturan Lain

Menurut Keperluan Akta Koperasi, 1993 di Malaysia, kami juga melaporkan bahawa pada pendapat kami:

- a) Rekod-rekod perakaunan dan lain-lain rekod lain yang sepatutnya, telah disimpan dengan sempurna menurut peruntukan Seksyen 58 Akta Koperasi 1993;
- b) Penerimaan, perbelanjaan dan pelaburan wang dan perolehan dan pelupusan aset-aset Koperasi dalam tahun berakhir 31 Disember 2024 adalah menurut peruntukan Akta, Peraturan-Peraturan dan Undang-undang Kecil Koperasi; dan
- c) Kedudukan aset-aset dan liabiliti-liabiliti di dalam semua aspek yang material, dinyatakan dengan saksama menurut dasar-dasar perakaunan.

### Lain-lain Perkara

Laporan ini disediakan hanya kepada Anggota-anggota Koperasi, sebagai sebuah badan, menurut Seksyen 63 Akta Koperasi 1993 di Malaysia dan tanpa tujuan lain. Kami tidak mempunyai tanggungjawab kepada pihak-pihak lain terhadap kandungan laporan ini.

A. RAZAK & CO. PLT  
LLP0042238-LCA & AF 0842  
Akauntan-akauntan Bertauliah

ABD. RAZAK BIN HJ. NAZAH DIN  
No. Juruaudit: SKM (B) 0350  
Akauntan Bertauliah  
Kuala Lumpur, Malaysia  
Tarikh: 30 MAY 2025

**KOPERASI MEDIA PRIMA BERHAD**  
**(Dahulu dikenali Koperasi New Straits Times Press (Malaysia) Berhad)**  
**(Didasarkan di Malaysia di bawah Akta Koperasi 1993)**

**LAPORAN BERKANUN ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI  
MENGIKUT SEKSYEN 59 (1)(c) AKTA KOPERASI 1993**

Kami bagi pihak Anggota Lembaga Koperasi dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024.

Sesuai dengan kehendak Seksyen 59 (1)(c) Akta Koperasi 1993, dan Peraturan Koperasi 1995, kami bagi pihak Anggota Lembaga Koperasi melaporkan bahawa:-

- a) Perjalanan Koperasi tidak dipengaruhi oleh perkara-perkara yang abnormal mengikut takrif Seksyen 59(4) Akta Koperasi 1993.
- b) Anggota Lembaga Koperasi bercadang membayar dividen pada kadar 2% (2023: 2%) sebanyak RM232,917 (2023: RM250,112) berdasarkan modal yuran anggota pada 30 Jun 2024 berjumlah RM11,651,452. Cadangan pindahan ke lain-lain kumpulan wang dan tabung adalah seperti berikut:-

	2024	2023
	<u>RM</u>	<u>RM</u>
Kumpulan Wang Penebusan Syer - 5% (2023: NIL)	15,526	-
Tabung Perlindungan Pembiayaan	-	5,000.00
Tabung Kebajikan Am	<u>8,000</u>	<u>15,000.00</u>
	<u><u>23,526</u></u>	<u><u>20,000.00</u></u>

- c) Tiada hal-hal berbangkit yang menjadikan cara penilaian aset dan liabiliti Koperasi yang digunakan sekarang mengelirukan atau tidak sesuai.
- d) Dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024, tiada liabiliti luar jangka yang disanggupi oleh Koperasi yang belum diselesaikan.
- e) Anggota Lembaga Koperasi berpendapat bahawa jumlah aset semasa yang ditunjukkan di dalam Kunci Kira-Kira Koperasi adalah munasabah.
- f) Tiada liabiliti luar jangka atau liabiliti yang akan dikuatkuasakan dalam jangka masa dua belas (12) bulan dari 31 Disember 2024 yang boleh menjelaskan keupayaan Koperasi dalam memenuhi liabilitinya apabila tiba waktu.

**KOPERASI MEDIA PRIMA BERHAD**

(Dahulu dikenali Koperasi New Straits Times Press (Malaysia) Berhad)

(Didasarkan di Malaysia di bawah Akta Koperasi 1993)

**LAPORAN BERKANUN ANGGOTA LEMBAGA**

**MENGIKUT SEKSYEN 59 (1)(c) AKTA KOPERASI 1993 (SAMB.)**

Kami bagi pihak Anggota Lembaga Koperasi mengaku bahawa selain daripada perkara- perkara yang tersebut di atas, tiada lain- lain perkara di dalam pengetahuan kami yang tidak dinyatakan seperti yang dikehendaki oleh Seksyen 59(3) Akta Koperasi 1993.



---

**MOHD FADZIL ABDUL GHANI**

Pengerusi



---

**ABDUL RAHIM LLIN**

Setiausaha



---

**FAZLEESHAM MOHD YUNUS**

Bendahari

Kuala Lumpur

Tarikh: **30 MAY 2025**

**KOPERASI MEDIA PRIMA BERHAD**  
**(Dahulu dikenali Koperasi New Straits Times Press (Malaysia) Berhad)**  
**(Didasarkan di Malaysia mengikut Akta Koperasi 1993)**

**KUNCI KIRA-KIRA PADA 31 DISEMBER 2024**

	NOTA	<b>2024 RM</b>	<b>2023 RM</b>
<b>ASET BUKAN SEMASA</b>			
<b>Harta Tanah, Loji dan Peralatan</b>			
Bangunan		5,772,976	5,596,115
Komputer		52,721	40,973
Aset-aset lain		58,250	39,644
Harta Tanah, Loji dan Peralatan	6	5,883,947	5,676,732
Pelaburan dalam Saham Siarharga	7	13	13
Pelaburan dalam Saham Taksiarhaga	8	962,747	959,747
Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu	9	144,000	144,000
Pinjaman Anggota Jangka Panjang	10	3,508,118	4,779,917
Aset Tidak Nyata	11	28,000	42,000
Pelaburan-Pelaburan Lain	12	4,160,342	4,033,854
Akaun Deposit Koperasi	13	268,167	237,115
		<u>14,955,334</u>	<u>15,873,378</u>
<b>ASET SEMASA</b>			
Inventori	14	148,272	166,872
Pinjaman Anggota Jangka Pendek	10	1,004,096	1,054,639
Pembayaran Gadaian Ar-Rahnu	15	18,600,990	16,115,239
Penghutang Perdagangan (Upah Simpan) Ar-Rahnu		3,038,535	2,436,962
Pelbagai Penghutang, Deposit dan Prabayar	16	2,701,286	2,620,828
Aset Kumpulan Wang Rizab Statutori	17	109,541	109,541
Tunai dan Kesetaraan Tunai	18	645,058	466,524
		<u>26,247,778</u>	<u>22,970,605</u>
<b>JUMLAH ASET</b>		<b><u>41,203,112</u></b>	<b><u>38,843,983</u></b>
<b>EKUITI DAN LIABILITI</b>			
<b>EKUITI</b>			
<b>Dibiayai oleh:-</b>			
Modal Yuran Anggota	19	12,558,956	13,214,171
Modal Syer Anggota	20	1,558,362	1,614,006
Akaun Rizab Modal	21	490,676	490,676
Tabung dan Lain-Lain Kumpulan Wang	22	284,461	256,200
Kumpulan Wang Penebusan Syer	23	15,526	-
Keuntungan Terkumpul		204,422	71,653
		<u>15,112,403</u>	<u>15,646,706</u>

Nota-nota yang disertakan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini  
dan hendaklah dibaca bersama-sama dengannya.

**KOPERASI MEDIA PRIMA BERHAD**

(Dahulu dikenali Koperasi New Straits Times Press (Malaysia) Berhad)

(Didafarkan di Malaysia mengikut Akta Koperasi 1993)

**KUNCI KIRA-KIRA PADA 31 DISEMBER 2024 (SAMB.)**

	NOTA	2024 <u>RM</u>	2023 <u>RM</u>
Kumpulan Wang Rizab Statutori	24	<u>3,068,365</u>	<u>3,037,313</u>
<b>LIABILITI BUKAN SEMASA</b>			
Pembayaran Berjangka Daripada Institusi Kewangan	25	<u>15,396,811</u>	<u>13,290,374</u>
<b>LIABILITI SEMASA</b>			
Simpanan Khas Anggota	26	1,011,792	880,220
Pembayaran Berjangka daripada Institusi Kewangan	25	2,792,338	3,012,158
Pelbagai Pembiayaan dan Akruan	27	3,532,993	2,703,220
Fi Juruaudit Swasta	28	9,126	8,600
Peruntukan Zakat	29	6,000	-
Dividen	30	232,917	250,112
Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi	31	6,210	2,037
Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi	32	3,105	1,019
Akaun Deposit Koperasi Belum Bayar	33	31,052	12,224
		<u>7,625,533</u>	<u>6,869,590</u>
<b>JUMLAH LIABILITI</b>		<u>23,022,344</u>	<u>20,159,964</u>
<b>JUMLAH EKUITI DAN LIABILITI</b>		<u><b>41,203,112</b></u>	<u><b>38,843,983</b></u>

Nota-nota yang disertakan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini  
dan hendaklah dibaca bersama-sama dengannya.

**KOPERASI MEDIA PRIMA BERHAD**  
**(Dahulu dikenali Koperasi New Straits Times Press (Malaysia) Berhad)**  
**(Didafarkan di Malaysia mengikut Akta Koperasi 1993)**

**AKAUN PEMBAHAGIAN KEUNTUNGAN  
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024**

	NOTA	2024 <u>RM</u>	2023 <u>RM</u>
<b>KEUNTUNGAN BERSIH TAHUN SEMASA</b>		310,524	101,847
<b>TOLAK: PEMBAHAGIAN BERKANUN</b>			
Kumpulan Wang Rizab Statutori - 10% (2023: 12%)	24	31,052	12,224
Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi - 2%	31	6,210	2,037
Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi - 1%	32	<u>3,105</u>	<u>1,019</u>
		40,367	15,280
<b>KEUNTUNGAN BERSIH SELEPAS  PEMBAHAGIAN BERKANUN</b>		270,157	86,567
<b>TOLAK:</b>			
Peruntukan cukai	34	-	-
Peruntukan zakat	35	<u>6,000</u>	<u>-</u>
		6,000	-
<b>TOLAK: PEMBAHAGIAN LAIN</b>			
Dividen dicadangkan - 2% atas modal yuran pada 30.06.2024 (2023: 2%)	30	232,917	250,112
Tabung Perlindungan Pembiayaan	22	-	5,000
Tabung Kebajikan Am	22	8,000	15,000
Kumpulan Wang Penebusan Syer - 5% (2023: NIL)	23	<u>15,526</u>	<u>-</u>
		256,443	270,112
Baki keuntungan/(kerugian) yang belum dibahagi-bahagikan		7,714	(183,545)
<b>TAMBAH: PELARASAN BUKAN OPERASI</b>			
Dividen anggota terkurang peruntuk		125,055	-
Baki keuntungan selepas pembahagian dan pelarasan		132,769	(183,545)
Keuntungan terkumpul pada awal tahun		71,653	255,198
Keuntungan terkumpul pada akhir tahun		204,422	71,653

Nota-nota yang disertakan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini  
dan hendaklah dibaca bersama-sama dengannya.

**KOPERASI MEDIA PRIMA BERHAD****(Dahulu dikenali Koperasi New Straits Times Press (Malaysia) Berhad)****(Didafarkan di Malaysia mengikut Akta Koperasi 1993)****AKAUN UNTUNG RUGI****BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024**

	<b>NOTA</b>	<b>2024</b> <b>RM</b>	<b>2023</b> <b>RM</b>
<b>PENDAPATAN</b>			
<u>Pendapatan dari Aktiviti Kredit</u>			
Caj perkhidmatan skim pinjaman	36	553,922	663,786
Yuran proses pembiayaan jangka panjang		2,247	1,920
Yuran proses skim pembiayaan jangka pendek		5,450	-
Yuran proses skim pengeluaran modal yuran		1,050	-
Keuntungan kurangan rebet (caj pertindihan awal)		166	533
Caj proses surat		125	140
Caj penalti lewat bayar ansuran		48	20
Caj proses cek dan pindahan wang		199	56
		<u>563,207</u>	<u>666,455</u>
<u>Pendapatan dari Aktiviti Peruncitan</u>			
Jualan		158,818	167,724
Jualan - Pos Laju		1,558	10,213
Jualan lain-lain		19,805	-
Sewa Tapak Promosi		90	2,550
Komisen Mesin Minuman		2,460	12,990
		<u>182,731</u>	<u>193,477</u>
<u>Pendapatan dari Aktiviti Jual Beli Emas</u>			
Jualan		47,625	21,201
		<u>47,625</u>	<u>21,201</u>
<u>Pendapatan dari Aktiviti Sewaan Bangunan</u>			
Pendapatan sewa		257,408	245,440
		<u>257,408</u>	<u>245,440</u>
<u>Pendapatan dari Aktiviti Pelaburan</u>			
Hadiah simpanan tetap (Bank Islam dan Bank Rakyat)		89,718	61,831
Hadiah dari akaun simpanan		7,860	5,637
Pendapatan dividen		65,510	75,919
Pendapatan HLA/Kopsya		45,892	35,456
		<u>208,980</u>	<u>178,843</u>

Nota-nota yang disertakan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini  
dan hendaklah dibaca bersama-sama dengannya.

**KOPERASI MEDIA PRIMA BERHAD**

(Dahulu dikenali Koperasi New Straits Times Press (Malaysia) Berhad)

(Didasarkan di Malaysia mengikut Akta Koperasi 1993)

**AKAUN UNTUNG RUGI****BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024 (SAMB.)**

	NOTA	2024 <u>RM</u>	2023 <u>RM</u>
<b>PENDAPATAN (SAMB.)</b>			
<u>Pendapatan dari Aktiviti Pengguna</u>			
Komisen Sewa Kenderaan		250	-
Seminar/Acara		46,830	10,545
Pengiklanan		7,000	5,000
		<u>54,080</u>	<u>15,545</u>
<u>Pendapatan dari Aktiviti Ar-Rahnu/Pajak Gadai</u>			
Pendapatan caj upah simpan		2,216,864	1,889,829
Penggenapan		21	17
Yuran tender		315	705
Caj notis		22,947	26,576
Caj kehilangan SAG		1,395	880
Caj cuci barang kemas		59	-
Sewa penempatan mesin pengeluaran wang		3,600	3,600
Komisen Jualan Barang Kemas 'Prelove'		3,440	3,032
Pelbagai pendapatan		1	1,888
